

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)**

---

**Shah Alam, Selasa 17 Mac 2009**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee ( Teluk Datuk)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

## **TIDAK HADIR**

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Negeri Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Penolong Setiausaha**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. Muftar  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula jam 10.00 pagi.

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatulhi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi mesyuarat pertama persidangan penggal kedua Dewan Undangan Negeri Selangor yang ke 12 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA.**

**YB TUAN YAP LUM CHIN:** Peningkatan Kemudahan di Kampung Baru Cina.

27. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

- a) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kemudahan asas di Kampung-kampung Baru Cina di seluruh negeri Selangor bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini?
- b) Berapakah jumlah kos untuk peningkatan tersebut?
- c) Apakah langkah-langkah kerajaan untuk peningkatan tersebut bagi 5 tahun yang akan datang?

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Pada lima tahun kebelakangan ini kerajaan negeri telah memperuntukkan RM200,000.00 setahun di bawah peruntukan pembangunan kerajaan negeri. Untuk meningkatkan kemudahan asas di Kampung Baru. Projek-projek pembangunan seperti membina dan menaik taraf jalan, parit, longkang, jambatan dan lain-lain. Dalam masa yang sama Kampung Baru, Kampung Bagan dan Kampung Tersusun juga turut mendapat peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang disalurkan terus kepada kampung-kampung dalam bentuk projek-projek pembangunan. Sampai hari ini kerajaan negeri tidak dapat sebarang maklumat tentang peruntukan ini daripada Kerajaan Pusat. Bagi meningkatkan kemudahan asas di Kampung Baru, Bagan/Tersusun Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan yang lebih besar berbanding dengan lima tahun yang lalu. Bagi tahun 2009 sebanyak RM5.47 juta di peruntukan untuk urusan pentadbiran dan projek-projek pembangunan kecil bagi meningkatkan kemudahan asas di Kampung-kampung Baru/Bagan/Tersusun di Negeri Selangor.

Tuan Speaker, oleh kerana peruntukan yang terhad Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan kepada kampung-kampung yang menghadapi masalah kritikal dan lama dipinggirkan oleh arus pembangunan seperti kampung-kampung bagan. Secara ringkas sebanyak 60% daripada peruntukan ini akan digunakan untuk menaik taraf infrastruktur kampung. Yang lain akan digunakan untuk program-program seperti Program Laman Web Kampung Baru, Program Pembersihan, Program Mencegah Denggi, Kempen Membasmi Dadah, Program Mempromosikan Makanan dan Produk Istimewa Kampung dan lain-lain. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Bangi

**YB TUN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Soalan No. 28

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

Yuran Pengajian Membebankan. ADUN Bangi banyak menerima aduan, terutama dari pelajar tentang kos yuran belajar di Kolej Universiti Islam di Bangi terlalu tinggi.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah KUIS mementingkan semasa-mata keuntungan dari kebajikan?
- b) Beri perbandingan kos perbelanjaan di KUIS dengan sebuah IPTA dan IPTS tempatan di dalam bidang yang sama.
- c) Tidakkah dengan kos pembelajaran yang agak tinggi mengurangkan pelajar dalam dan luar Negara belajar di KUIS?

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi rahmani rahim.* KUIS atau nama pendaftarannya Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd. Adalah sebuah Institut Pengajian Tinggi Swasta, milik Kerajaan Negeri Selangor, anak syarikat kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan ia ditubuhkan pada tahun 1995 sebagai IPT Swasta yang menjalankan tanggungjawab sosial dan bukannya untuk mengaut keuntungan semata-mata. Oleh yang demikian semua caj yang dikenakan adalah kompetitif dan mengambil kira kemudahan serta mutu pengajian tinggi yang memenuhi piawaian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa setanding dengan IPTS dan IPTA yang lain. Antara kemudahan dan kebajikan pelajar yang disediakan adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan tempat tinggal pelajar (asrama) dalam kampus termasuk pangsapuri atau apartmen
  - ii. Masjid
  - iii. Tempat Riadah
  - iv. Kemudahan WiFi termasuk bilik-bilik asrama dan apartmen
  - v. Perpustakaan Pintar
  - vi. Kemudahan pengangkutan pelajar
  - viii. Kemudahan Makmal dan Makmal Siber
  - ix. Sistem E-Campus dengan kemudahan portal pelajar dalam talian “online”
  - x. Semua program yang ditawarkan diiktiraf dalam dan luar negara
- Kemudahan penajaan untuk semua program dan semua pelajar yang layak iaitu pihak penaja adalah terdiri daripada Lembaga Zakat Selangor, PTPTN, SUK, MARA, Majlis

Agama Islam Negeri-negeri dan lain-lain. Wang tajaan tersebut dapat menampung bayaran yuran pengajian dan wang sara diri pelajar.

Caj yuran yang dikenakan sangat berpatutan dan kompetitif jika dibandingkan dengan IPTS dan IPTA yang lain, berikut disenaraikan seperti di Lampiran, nanti kita apa saya sebutkan. Kita bagi contoh perbandingan yuran pengajian di antara KUIS dan IPTA atau IPTS.

Nama Kursus , Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia) Yuran KUIS RM 12,520, UiTM RM 32,886 jadi kita lebih murah walaupun UiTM ini Kerajaan, subsidiinya 96%. Diploma Sains Komputer Yuran Di KUIS RM 12,325, Kolej Risma Melaka RM 18,792, Kolej *Informatics* RM 27,200. Kolej Islam Antarabangsa Gombak RM 14,260 yuran tempatan. Dan untuk yuran antarabangsa di KUIS RM 15,700, Kolej Islam Antarabangsa (IIC) Gombak RM 9,320. Diploma Teknologi E-Dagang di KUIS RM 13,355. Pusat Teknologi & Pengurusan Lanjutan (PTPL) RM 12,166, Kolej KBU *International College* RM 14,400. Diploma Kejururawatan yang ini saya mengaku lebih mahal sikit di KUIS tapi saya difahamkan hampir 100% graduan kita ini mendapat pekerjaan. Di KUIS ini jururawat kita agak laku di KUIS. Yuran KUIS RM 36,357, KDU College RM 35,000, seribu lebih sahaja bezanya. Kolej Teknologi Cosmopoint RM 29,000. Diploma Perakaunan di KUIS RM 11,445 , UiTM RM 28,647. SEGI College RM 18,000. Binary Business School (KL) RM 18,000. Diploma Pengurusan Perniagaan di KUIS RM 12,445, UiTM RM 33,390, SEGI College RM 18,000, INTI International Universiti College RM 16,200. Diploma Perbankan Islam di KUIS RM 11,350. KIPSAS RM 8,840. Kolej Islam Darul Ridzuan RM 3,000. Diploma Pengurusan Sumber Manusia di KUIS RM 12,540. SEGI College RM 18,000. Diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab) di KUIS RM 15,875. KIPSAS RM 8,695. Kolej Islam Darul Ridzuan RM3,000. Diploma Pengajian Islam (Syariah) di KUIS RM 11,995. KIPSAS RM 8,695. Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan E-Dagang di KUIS RM 27,370. INTI International University College RM 37,765. HELP Universiti College RM 37,500. KLIUC RM 28,560. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Rangkaian di KUIS RM 21,125. KLIUC RaM 33,320. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Multimedia) di KUIS 30,635. Kolej Shah Putra Kuantan RM 39,000. Kolej Disted Stamford RM 38,462.50. HELP Universiti College RM 36,000. Kita masih lagi yang terendah. Diploma Teknologi Maklumat (Meltimedia) kita RM 15,915. INTI International Universiti College RM 17,820. Kolej Multimedia Sarawak RM 13,000. Sarawak murah sikit. KLIUC RM 15,000. Lebih kurang dengan kita. Diploma Komunikasi kita RM 11,865. INTI International Universiti Colleg RM 18,260. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Insan di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) RM 28,175, Swinburne University of Technology RM 42,000 ini bagi yuran tempatan. Universiti Terbuka Malaysia RM 17,490. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan di KUIS yuran tempatan RM 32,070. Swinburne University of Technology RM 42,000. Kolej Shah Putra Kuantan RM 39,000. INTI International University College RM 37,765. Dan untuk dan untuk Ijazah yang sama untuk yuran antarabangsa ialah di KUIS RM 37,380. Swinburne University of Technology RM 48,000. Jadi inilah contoh-contoh di mana dalam apa kita punya statistik dalam kita punya perbandingan ini KUIS masihlah mempunyai yuran yang agak kompetitif dan berpatutan. Berdasarkan statistik kemasukan pelajar bagi 3 tahun yang lepas 2006, 2007 dan 2008 menunjukkan KUIS menjadi sebuah IPTS Islam pilihan ramai bukan sahaja pelajar dari Negeri Selangor tetapi dari seluruh pelosok tanah air termasuk pelajar daripada Negara Asian, Timur Tengah dan lain-lain. Di antara nama pelajar antarabangsa di KUIS 2006 seramai 1,399 pelajar. 2007-2,101 orang pelajar, 2008-2,671 pelajar antarabangsa. Negara asal pelajar yang mendaftar di KUIS ialah Singapura, Indonesia, China, Nigeria, Somalia,

Chad, Kemboja, Filipina, Brunei, Thai, Iraq, Ethiopia dan Mauritius. Sekian. Terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Pertama sekali alhamdulillah dan tahniahlah ertinya kebanyakan yuran tidak apa ni tinggi berbanding dengan institusi pengajian lain walaupun ada setengahnya tinggi. Tapi saya nak tanya berdasarkan aduan-aduan yang saya terima terutama pelajar luar negerilah Kemboja dan sebagainya yang mengadu tentang pembayaran yuran yang tinggi. Setakat ni ada ke antara pelajar-pelajar tu dibuang kerana tidak mampu membayar yuran atau mereka sendiri berhenti. Berapa jumlah agaknya. Di samping itu ada ke KUIS ataupun Kerajaan Negeri menyediakan sebarang bantuan kepada pelajar yang miskin ini untuk mereka menyambung pengajian mereka terutama di negara-negara Islam yang lemah ekonominya seperti Kemboja dan sebagainya. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Bangi. Untuk statistik yang tepat saya tidak ada sekarang ini. Kita boleh beri jawapan tulisan nanti. Aaa untuk bantuan katakan pelajar yang miskin yang tidak mampu seterusnya untuk menyambung pelajaran kerana mereka tidak ada sumber kewangan, ini kita saya rasa kita belum lagi diselesaikan dengan cara yang jelas dan mungkin dia punya jumlahnya pun tidak begitu ramai dan saya tak boleh nak bagi berapa orangkah seperti itu yang terlibat seperti itu. Biasanya kita menerima itu kalau ada dia ada tanda-tanda ada bukti-bukti yang dia ni mampu untuk menyelesaikan masalah yuran yang perlu ditanggung olehnya tapi saya rasa itu kita belum lagi menyelesaikan sudut itu. Sudut kebaikan pelajar antarabangsa saya rasa kita belum. Kita rasa saya akan hubungi KUIS untuk membicarakan tentang soal yang dibangkitkan oleh Bangi. Terima kasih.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Soalan No. 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MARSUM BIN PAING  
(DENGKIL)**

**TAJUK : KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN BELIA**

29. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa ramaikah golongan belia yang telah mendapat latihan dan kemahiran dan berapa ramaikah yang telah mendapat pekerjaan dari program yang disusun oleh kerajaan?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Speaker, ini penjelasan mengenai keberkesanan program latihan kemahiran belia. Kerajaan Negeri dengan mengambil kira komposisi golongan belia yang merangkumi 44% daripada rakyat negeri Selangor dan sebagai aset utama, sedang berusaha mempertingkat usaha menyediakan lebih banyak program. Buat masa ini pada tahun 2008 sebanyak 4 siri latihan sudah diadakan dengan 425 orang menyertai program tersebut. Dan antara

program yang diberikan untuk melahirkan usahawan serta memberi peluang kepada pelatih untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA/IPTS.

Lima kaedah atau pendekatan digunakan. Satu, pembentukan kumpulan ataupun *team building*, ceramah jati diri dan motivasi, bengkel akademik dan kemahiran, bengkel keusahawanan dan bengkel kerjaya dan pekerjaan. Melalui program yang dilakukan sebanyak 132 peserta berjaya melanjutkan pelajaran, 131 orang mendapat pekerjaan dan 84 orang memilih untuk menjadi usahawan.

Tenaga pengajar bagi program tersebut daripada IPT (Institut Pengajian Tinggi) seperti UNISEL, Kolej Inspens, Institut Kemahiran Yayasan dan kita undang agensi-agensi Kerajaan seperti PKNS, PKPS, AGRO Bank dan Tenaga Nasional untuk mengendalikan kursus-kursus tersebut. Selain tenaga yang mempunyai pengalaman akademik, para pelatih juga didedahkan dengan pengetahuan khas dalam bidang yang diceburi termasuk keusahawanan dan kemahiran teknikal. Walau bagaimanapun, saya berasaskan usaha ini masih belum sampai ke tahap yang memuaskan. Ia mungkin dicapai pada tahun 2009, apabila setiap Dewan Undangan Negeri kita menubuhkan wakil-wakil belia untuk mendapatkan maklumat dan memberi galakan untuk belia menyertai latihan-latihan yang kita anjurkan. Terima kasih.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKAR:** Ya, Dengkil.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING:** Baru-baru ini terdapat hampir 500 Ketua Keluarga daripada kalangan belia yang kehilangan pendapatan kerana penamatkan kontrak-kontrak kerja. Adakah kerajaan bercadang memberikan latihan dan kemahiran kepada golongan mereka yang masih lagi dalam golongan belia.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tentang masalah pemberhentian kerja, kita sudah mengadakan *task force* yang bermesyuarat tiap-tiap minggu untuk menentukan cara kita boleh menolong dan menyokong mereka. Pada masa ini kita ada mengenal pasti lebih 400 institusi latihan kemahiran yang berada di negeri Selangor. Sebelumnya, kita tidak tahu berapa banyak dan sekarang boleh menampung begitu ramai, dan bagi mereka yang mungkin tidak berkeupayaan untuk pergi ke pejabat negeri kita meminta tiap-tiap PBT, Majlis Perbandaran untuk membuat *kiosk* tiap-tiap hujung minggu bagi mendaftar peserta.

Saya juga meminta pihak zakat dan kebajikan untuk memantau mereka ini. Walau bagaimanapun jawapan daripada Zakat dan Jabatan Kebajikan, saya rasa tidak banyak memuaskan kerana belum sampai 10 orang yang mendaftar. Mungkin disebabkan masalah komunikasi. Kedua, kita juga hendak mencari jalan bagi menolong kebajikan anak-anak pekerja yang diberhentikan kerja. Jadi banyak usaha kita lakukan dan saya harap kita dapat menerima maklumat supaya tindakan segera dilakukan.

Pada pengamatan saya, masyarakat yang berhenti kerja agak curiga ataupun agak segan untuk ke hadapan. Justeru itu, kita kena *move over* dan pengalaman saya, hanya apabila kita pergi ke kilang baru mereka mahu rapat dengan kita. Mereka tidak hendak pergi mendaftar walhal mereka kehilangan kerja. Jadi banyak perkara yang perlu kita selesaikan.

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**YB DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih, Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sedar telah wujud badan-badan gabungan belia, pertubuhan-pertubuhan belia di bawah Majlis Belia Negeri Selangor. Jika ia, adakah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar akan menggunakan jentera yang ada terutama untuk mendapatkan pendaftaran golongan-golongan belia itu dan kedua untuk menyalurkan program latihan dan kemahiran kepada golongan belia. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Sungai Burong. Saya agak terkilan daripada segi penerimaan Kerajaan Persekutuan, malah sebagai Menteri Besar, saya pun tidak diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan sebagai seorang daripada ahli Majlis Belia, mungkin faktor usia saya. Walau bagaimanapun, ini tidak menyebabkan kita rasa tidak berusaha. Saya meminta semua belia di negeri Selangor supaya dapat bekerjasama manakala bantuan kewangan dan pertolongan sedia diberikan. Sebab yang saya lakukan agak lambat kerana Kerajaan Negeri sebelum sudah memperuntukkan begitu banyak wang untuk belia dan sukan dan sekurang-kurangnya 6 juta setahun. Malah harta Kerajaan Negeri ini juga daripada segi tanah dan kemudahan lain, ada di peruntukan. Tetapi oleh sebab Jabatan Belia dan Sukan Persekutuan tidak mengiktiraf belia Negeri Selangor maka oleh sebab itu kita berusaha menyusun semula harta itu. Kita bawa harta itu balik ke kerajaan negeri dalam seliaan MBI supaya takut ada masalah pengambilan harta oleh institusi yang tidak bergabung dalam negeri Selangor. Dan selepas ini saya meminta tiga Ahli Dewan Undangan Negeri daripada kumpulan belia iaitu Y.B Amiruddin, Jennice dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sijangkang untuk turun padang berjumpa dengan kumpulan-kumpulan belia dalam usaha memberi sokongan dan galakan terhadap pertumbuhan mereka.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK : SEKTOR PERLADANGAN**

30. Taraf kehidupan pekerja-pekerja ladang masih lagi belum berubah sehingga kini.
  - a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri di dalam meningkatkan taraf kehidupan mereka?
  - b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap pemilik-pemilik ladang yang enggan membina atau memperbaiki rumah-rumah pekerja ladang ini?
  - c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kehilangan pekerjaan pekerja-pekerja ladang yang kawasan-kawasan ladang mereka telah di majukan sebagai kawasan perumahan?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa peka dan prihatin terhadap isu-isu berkaitan dengan pekerja-

pekerja ladang. Beberapa strategi sedang dilaksanakan bagi membantu mempertingkatkan taraf kehidupan golongan pekerja ladang. Melalui Bajet 2009, sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan di bawah Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang untuk menampung keperluan persekolahan dan pendidikan anak-anak pekerja ladang. Tabung ini akan diperuntukkan untuk pembinaan asrama yang berhampiran sekolah bagi menempatkan anak-anak pekerja ladang. Selain tabung berkenaan, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan program-program Latihan Kemahiran Teknikal dengan menggunakan kepakaran Kolej INSPENS, iaitu satu agensi Kerajaan Negeri yang terlibat dalam bidang pendidikan.

Jawapan soalan nombor dua, Kerajaan Negeri sememangnya sedia maklum mengenai masalah perumahan yang dihadapi oleh pekerja ladang. Pembinaan perumahan ladang ini adalah tanggungjawab sosial pihak majikan terhadap pekerja mereka. Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa dalam menetapkan pembinaan rumah bagi pekerja-pekerja ladang. Tetapi sekiranya pihak majikan bercadang untuk membina rumah pekerja ladang, mereka perlu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan di dalam Akta Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990. Di bawah akta tersebut, beberapa keperluan minimum yang perlu dipatuhi oleh pihak majikan dalam pembinaan rumah pekerja ladang seperti spesifikasi keperluan rumah, kemudahan bekalan air serta elektrik, kemudahan kesihatan dan pusat penjagaan kanak-kanak.

Selain daripada perumahan ladang, Kerajaan Negeri juga telah mensyaratkan kepada pemilik tanah ladang yang akan memajukan tanah ladang supaya menyediakan rumah mampu milik atau lot-lot tanah bagi menjamin penempatan yang selesa untuk pekerja ladang.

Jawapan soalan ketiga, Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dengan masalah pekerja-pekerja ladang yang telah diberhentikan kerja akibat pembangunan sesuatu ladang. Selain memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja ladang dalam memiliki rumah mampu milik, Kerajaan Negeri akan memastikan pihak pengurusan ladang mematuhi sepenuhnya kehendak undang-undang seperti berikut :-

- i. Pihak Pengurusan ladang mesti mengeluarkan notis pemberhentian kerja dalam tempoh yang ditetapkan atau membayar ganti rugi notis kepada pekerja-pekerja ladang yang diberhentikan.
- ii. Mereka juga mesti membayar Faedah Penamatian Kerja, bayaran baki gaji, baki cuti tahunan ataupun apa jua bayaran wajib mengikut undang-undang kepada pekerja-pekerja ladang.

Selain dari itu pihak pengurusan ladang digagalkan berhubung dengan pengurusan ladang-ladang berhampiran yang masih beroperasi supaya mengambil pekerja-pekerja yang terlibat untuk bekerja di ladang-ladang tersebut. Pekerja-pekerja ladang juga boleh daftar dengan Jabatan Tenaga Kerja ang berhampiran untuk mendapatkan pekerja baru. Kerajaan negeri juga telah meminta dan menggalakkan pihak majikan agar memberi keutamaan kepada pekerja tempatan sebelum mengemukakan permohonan untuk mendapatkan pekerja asing.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR:** Tuan Speaker. Soalan tambahan yang pertama ialah, di kawasan Tanjung Sepat terdapat sebuah ladang yang bernama Ladang Permatang yang dimiliki oleh *Southern Realty*. Pemilik ladang ini dulu dalam bertemunya kira-kira kronologinya hampir dua puluh tahun dulu sehingga tahun lepas, 2004 berjanji dengan pengusaha ladang untuk mendirikan perumahan. Dan setakat tahun lepas telah membina lebih kurang tiga puluh enam rumah yang baru lahir. Rumah-rumah yang lama telah dirobohkan. Soalannya ialah, adakah pihak kerajaan negeri bercadang untuk membantu pemilik-pemilik rumah yang lama atau pun pekerja ladang ini untuk membeli ataupun mengadakan satu skim sewa beli atau pun yang seumpamanya. Umpamanya skim rumah murah supaya pekerja ladang ini membeli dan memiliki rumah itu sendiri kerana buat masa ini mereka hanya dibenarkan menyewa dengan kadar lapan puluh ringgit yang mana rumah ini hanya dua bilik dan keluarga mereka telah membesar. Soalan yang kedua ialah, dulu ada seratus dua puluh satu pekerja yang duduk di kawasan ladang ini yang mana sekarang kebanyakannya telah diberhentikan kerja kerana satu mungkin kerana usianya dan juga sakit dan sebagainyalah. Tetapi sekarang pihak pekerja ladang telah menggantikan pekerja-pekerja yang duduk di ladang ini dengan pekerja-pekerja asing yang didatangkan daripada Bangladesh dan juga daripada Indonesia. Apakah usaha-usaha kerajaan negeri untuk membantu pekerja ladang yang telah diberhentikan dan keluarganya supaya mereka dapat terus menampung kehidupan mereka sekarang. Yang ketiga, adakah kerajaan negeri bercadang untuk berbincang dengan *Southern Realty* supaya mereka dalam tanggungjawab sosialnya menyediakan kemudahan sosial seperti dewan, atau balai raya atau kindergarten untuk penduduk setempat bukan sahaja untuk ladang permainan, bermakna ladang sekitarnya termasuk Ladang Teluk Merbau, Ladang *Bedford* dan lain-lain boleh menggunakan kemudahan ini. Kerana saya dapat di ladang lain seperti di Ladang *Bedford* mereka telah mengadakan kemudahan-kemudahan ini. Tetapi pemaju, pemilik tanah ini *Southern Realty* nampaknya agak berdegil dan saya memohon dan merayu ada tak kerajaan negeri bercadang untuk memanggil semula pemilik tanah ini dan melaksanakan tanggung jawab sosial yang sepatutnya. Sekian.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Tanjung Sepat. STANCO saya bukan sahaja menjaga pekerja-pekerja ladang tetapi kemiskinan dan keprihatinan Negeri Selangor, ini tiga-tiga kalau kita bandingkan adalah keutamaan dengan pekerja-pekerja ladang di dalam satu kumpulan. Untuk soalan yang pertama, saya kena kaji apa dia *agreement* yang telah dibukukan di antara NEPW pada waktu itu pekerja-pekerja di *Southern Realty Estate* ini, dengan pekerja-pekerja pada waktu itu. Kalau ada ke tak ada perjanjian yang telah dibuat. Sebab banyak pengalaman saya, banyak estet-estet yang mengalami dengan keadaan rumah-rumah mereka, mereka telah membuat perjanjian dengan melalui NEPW pada waktu itu dan mereka telah katakan apa jenis rumah itu yang kena dibina untuk pekerja-pekerja ladang lepas. Estet itu dijualkan kepada orang lain atau pun nak dimajukan sebagai tempat perumahan atau pun perindustrian ya.

**YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR:** Saya difahamkan pemiliknya, *ownernya* dulu ialah ayah kepada anak-anak yang ada sekarang ini. Dulu ketika mereka berbincang dengan NEPW dengan ayahnya mereka bersetuju untuk membina rumah dan menjual. Tetapi apabila syarikat ini sekarang dikendalikan oleh anak-anaknya yang menjadi lembaga pengarah, mereka telah tidak bersetuju, sekarang ini tidak bersetujulah untuk membina, sebab itu saya bertanya tadi, adakah usaha kerajaan negeri untuk membantu pekerja-pekerja ladang ini untuk memiliki rumah seperti yang dijanjikan awal dulu.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Memang kita akan bantu. Terima kasih untuk bawa isu ini kepada saya. Saya akan memang akan mengadakan pertemuan dengan anak-anak owner ladang ini dan kita akan tengok macam mana kita boleh mengatasi masalah perumahan di dalam kawasan itu. Ya. Nombor dua, yang seratus dua puluh kerja ini yang sekarang hilang kerja dan sebagainya, memang bila mereka diberhentikan Tanjung Sepat pun difahamkan boleh difahamkan bahawa dia ada peraturan dia di mana dia akan bawa bayar gaji, elaun dan semuanya dengan izin *all the benefit* bila mereka telah letakkan kerja ya. Tetapi untuk, pada waktu itu saya tidak berapa pasti ya apa yang telah jadikan kepada seratus dua puluh orang ini sekarang, dia kerja di mana, ada kerja masuk kilang ke sebagainya, kalau begitu melalui program yang telah kita aturkan untuk orang-orang yang hilang kerja, kita telah buka satu *centre* di tiap-tiap PBT untuk menolong mereka untuk mencari kerja-kerja baru, kalau ada di kawasan-kawasan tertentu itu. Soalan nombor tiga ialah untuk kita kaji balik, kalau boleh, sebab peraturan yang diadakan sekarang tidak menentukan bahawa pemaju estet ini mesti mengambil orang tempatan untuk kerja dulu. Sekarang mereka menggunakan satu-satu kaedah yang katakan dia bagi kontrak untuk orang kerja, di lepaskan untuk orang-orang di kawasan sebagai kerja. Tapi saya melalui STANCO saya telah menulis surat kepada semua pemaju-pemaju estet untuk bagi keutamaan dulu untuk bagi orang-orang tempatan dulu untuk kerja di sana, lepas itulah bagikan kalau tidak dapat cukup orang kerja estet, lepas itulah dia boleh ambil orang-orang asing yang kerja di dalam estet. Memang saya, masalah di dalam negeri Selangor dengan peladang-peladang yang kita ada sekarang lebih kurang lima puluh peratus pekerja-pekerja di ladang sekarang ialah melalui kontrak-kontrak yang diberikan kepada orang-orang asing. Dan bukan kepada orang-orang tempatan. Dan ini adalah satu-satu isu yang kita akan ambil sebab beberapa bulan ini kita akan adakan satu seminar penuh untuk pekerja-pekerja ladang di dalam negeri Selangor yang akan dipengerusikan oleh Kota Damansara dan pada waktu itu kita akan kumpulkan semua maklumat yang kita dapat dan kita akan buat kajian di bawah satu polisi baru untuk negeri Selangor khususnya untuk pekerja-pekerja ladang dengan perumahan mereka, pekerjaan mereka dan juga pendapatan mereka di dalam kawasan di negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Terima kasih. Isu masalah perumahan pada awal sembilan puluhan selepas kami berjaya memperjuangkan Sungai Rasa Estet, Kerajaan Negeri pada masa itu mantan MB Mat Taib ada polisi berkaitan dengan sekiranya pekerja di buang, kerajaan berhak untuk mengambil tanah untuk membangunkan dan *charges* kepada syarikat tersebut. Tetapi perkara ini tidak langsung di laksanakan kerana perjuangan kami pada masa itu tiada perumahan. Saya berharap mungkin kita boleh rujuk kepada polisi yang telah disebutkan pada masa itu EXCO mendiang YB Dorai. Yang satu lagi soalan saya tambahan, berkenaan dengan pekerja ladang, apabila mereka telah keluar, selain daripada membantu mereka mencari kerja lain, adakah program-program tertentu untuk memahirkan mereka di dalam bidang-bidang lain. Terima kasih.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya nak bagi contoh sebagai perumahan yang kita telah membuat di tiga peladang di Selangor. Satu ialah di Bukit Raja Estate baru-baru ini. Kita melalui kerjasama dengan *Sime Darby* untuk pekerja-pekerja ladang kita telah bagi satu kawasan dekat lima belas ekar di mana tanah itu dibagi percuma untuk pekerja-pekerja ladang mereka, untuk bayar sahaja

untuk membina rumah di atas sahaja. *Value* rumah itu, binaan *valuenya* sekarang dia kena bayar tujuh puluh, kalau dia tak boleh bayar anak-anak dia boleh mengambil alih untuk membayar untuk itu. Tetapi tanah itu bila dia sain S & P sahaja *value of that land* ialah seratus lima puluh ribu ringgit. So memang pekerja-pekerja ladang mendapatkan satu-satu peruntukan di dalam. Dan di dalam program itu pun kita ada dewan mereka, kuil mereka dan juga untuk kawasan permainan yang telah dimasukkan ke dalam tiga kawasan ini yang di mana kita pemilik tanah untuk mereka. Kalau tak silap saya pada tujuh puluhan kita ada satu kertas kerja yang dikatakan *the blue paper*. Kalau tak silap sayalah. Di dalam itu, walau pun pada waktu itu mengadakan polisi-polisi yang telah di bincang dan diaturkan, tetapi polisi itu tidak diambil oleh kerajaan pada waktu itu sebagai polisi kerajaan untuk kita menentukan bahawa semua pemilik-pemilik peladang mengikut polisi itu. So memang ada cubaan dulu untuk mengadakan polisi. So sekarang saya melalui STANCO dan kerjasama semua ADUN dan sebagainya akan bawa satu polisi di mana kita akan tentukan bahawa semua pemilik ladang-ladang ikutkan polisi-polisi tertentu. Satu-satu program jangka panjang untuk kita meningkatkan taraf hidup pekerja-pekerja ladang ini ialah melalui pendidikan sahaja. Pendidikan anak-anak mereka, pendidikan untuk orang-orang muda di dalam peladang. So melalui pendidikan sekarang, kita telah katakan melalui kerajaan negeri Selangor kita telah ketepikan empat juta ringgit untuk sekolah-sekolah Tamil yang kita akan majukan, bukan sahaja melalui infrastruktur tetapi untuk program mereka di mana kita akan gunakan perbelanjaan untuk meningkat taraf hidup melalui pendidikan, atau pun meningkat taraf pendidikan anak-anak murid di ladang-ladang *it's a long term* projek untuk kita bawa. Saya fikirkan melalui pendidikan sahaja kita boleh bawa kumpulan ini keluar dari kumpulan kemiskinan kepada satu taraf yang lebih tinggi pada sekarang.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin merujuk kepada satu kes di ladang Sungai Tinggi dan Ladang Mery di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Permatang. Sebelum apa ni pilihan raya umum kedua belas yang lalu, pihak kerajaan Barisan Nasional yang lama telah berbincang dengan pengurusan ladang. Yang mana ladang ini dimiliki oleh Kumpulan Berjaya. Ini dalam isu menyelesaikan masalah pekerja-pekerja, perumahan pekerja-pekerja ladang. Pihak Kerajaan Negeri pada waktu itu telah berbincang dengan pihak Kumpulan Berjaya dan memohon kepada pihak Kumpulan Berjaya supaya menyediakan lot-lot tanah daripada ladang Berjaya untuk diberikan kepada pekerja-pekerja ladang dan pada dasarnya pihak kumpulan estet ini telah bersetuju dan memberikan surat. Tetapi sehingga kini usaha-usaha perbincangan selanjutnya tidak dapat diadakan. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak EXCO lah apakah pihak kerajaan Negeri akan meneruskan rundingan ini dengan surat-surat persetujuan yang telah dikeluarkan oleh pihak Berjaya agar dapat menyelesaikan isu perumahan di ladang-ladang di Sungai Tinggi dan Ladang Mery. Terima kasih.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Permatang. Saya telah ada beberapa perbincangan dengan tiga, empat estet di dalam kawasan Yang Berhormat berkata. Masalahnya ialah apabila saya bincang dengan pekerja di dalam sana dengan NEPW, pada waktu itu perjanjian itu perjanjian mulut sahaja. Kita tidak ada apa-apa dalam ke tulisan yang katakan yang Berjaya Group itu akan bina rumah untuk mereka. perjanjian itu sebelum pilihan raya. Perjanjian itu. Sekarang kita cari surat-surat, kalau adalah melalui pejabat Yang Berhormat kalau ada surat-surat perjanjian itu yang telah dibuat antara Berjaya dengan pekerja-pekerja estet

NEPW, tolong bagikan surat itu. Sebab saya cari surat itu, mereka yang saya ada bincang dengan mereka juga, dia tiada surat. Tetapi perjanjian mulut sahaja untuk Berjaya sediakan rumah-rumah mereka. Ada dua ratus keluarga di kawasan itu, kerja-kerja peladang di dalam kawasan itu. Saya telah mengadakan perbincangan dengan mereka dan saya telah tulis surat juga kepada Berjaya, mereka juga telah tulis surat kepada Berjaya, NEPW juga pun telah tulis surat kepada Berjaya, untuk pegang Berjaya untuk perjanjian mulut yang telah dibuat sebelum pilihan raya melalui Ahli Parlimen yang lepas di kawasan itu dengan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan itu. Tetapi saya minta kalau Permatang ada surat-surat yang perjanjian dalam tulisan *black and white* itu, tolong bagi kepada pejabat saya dan saya akan lanjutkan proses.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker, peraturan tetap 24(2) saya ingin mengambil soalan no. 31 sebagai soalan sendiri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK: WAKIL NEGERI SELANGOR DALAM DBKL**

31. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- (a) Kerajaan negeri Selangor berhak melantik 2 orang wakil dalam lembaga penasihat DBKL. Adakah pihak kerajaan negeri akan memantau semula pelantikan 2 orang wakil yang dilantik oleh kerajaan BN dulu? Jelaskan.

**TUAN SPEAKER:** Silakan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, mengenai wakil negeri dalam DBKL Bandaraya Kuala Lumpur; kita Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Mei 2007 nampaknya ada melantik 2 ahli lembaga penasihat untuk bandar Kuala Lumpur iaitu tempohnya dari 31.5.2007 hingga 30.5.2010. Walau bagaimanapun, selaku Menteri Besar oleh sebab Bandaraya Kuala Lumpur agak strategik dalam usaha pembangunan Negeri Selangor saya pun ada berjumpa dengan dua wakil tersebut - seorang bekas Pegawai Kerajaan Negeri Selangor yang bersara dan sekarang selaku Penggerusi MAIS iaitu Dato' Setia Adzib bin Isa. Beliau dilantik supaya dapat menghubungkan Negeri Selangor dan Bandaraya Kuala Lumpur, dan seorang lagi wakil peguam yang saya difahamkan wakil parti MCA dan Gerakan. Saya ada berbincang dengan mereka, mereka memberitahu ingin bertugas hingga 30 Mei, 2010.

Walau bagaimanapun, saya ada meminta mereka supaya membangkitkan dan menerangkan isu-isu yang penting supaya Kerajaan Negeri melalui mereka boleh menyalurkan isu-isu, tetapi daripada jawapan mereka saya dapat tahu tugas lembaga penasihat DBKL ini agak terhad. Hanya mendengar malah belanjawan pun ia tidak boleh mengubah ataupun membuat pindaan. Maka oleh sebab itulah saya berharap saya hendak sekali lagi berjumpa dengan Dato' Bandar Kuala Lumpur untuk berbincang bagaimana caranya kita boleh sesuaikan peranan wakil kita supaya dapat kita bekerjasama dalam keadaan yang lebih mantap lagi.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan saya ingin bertanya tentang pelantikan 2 orang wakil ini, adakah ? kerajaan Selangor berhak untuk menukar 2 wakil yang dipilih oleh kerajaan yang lalu kerana kita rasa kita yakin sekiranya wakil yang dipilih oleh kerajaan Pakatan Rakyat ini mereka ini walaupun dalam ke batasan menyuarakan pandangan dan kuasa mereka, mereka lebih dapat mempertahankan hak rakyat negeri Selangor khusus dalam perkara ini, jadi saya minta berharap YAB Tan Sri ambil pendekatan yang lebih berani lah untuk semak dan tukar 2 orang ini.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Sekinchan. Saya faham maksud Sekinchan untuk menentukan pendapat Selangor diberi perhatian oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Mereka nampaknya bersetuju untuk mengadakan perbincangan semula dan akhir tahun ini dan mengatakan terpulang kepada Menteri Besar untuk menentukan sama ada teruskan atau tidak. Tetapi secara tertib kita mesti berbincang sebab mereka juga memilih penasihat yang mewakili kita dan dia tidak boleh hadkan tanggungjawab. Daripada segi pengalaman seperti yang saya katakan Dato' Setia Adzib itu mempunyai pengalaman yang banyak, sebagai pegawai kewangan negeri Selangor dan sekarang pengurus MAIS yang dapat kita gabungkan dengan JAIS dan banyak usaha yang kita boleh teruskan. Ya, saya mengambil ingatan tentang pandangan Sekinchan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker soalan saya no. 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : DASAR-DASAR KITAR SEMULA DI SELANGOR**

32. Bertanya Kepada YAB Dato' Menteri Besar.
  - a) Sila nyatakan dasar-dasar kitar semula di negeri Selangor?
  - b) Langkah-langkah yang sudah dan akan diambil untuk menggalakkan masyarakat supaya mengamalkan sikap kitar semula?
  - c) Apakah program yang diadakan untuk mendidik masyarakat mengenai pentingnya amalan kitar semula.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Bagi menjawab, jawapan pertama, pada masa ini Kerajaan Negeri tiada menetapkan dasar-dasar yang khusus berhubung aktiviti kitar semula Walau bagaimanapun, melalui Bengkel Retreat Alam Sekitar yang telah diadakan pada tahun 2008, Kerajaan Negeri akan menghasilkan Dasar Alam Sekitar Negeri Selangor hingga tahun 2020 dan dasar akan meliputi dasar kitar semula di semua peringkat sebagai langkah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Untuk jawapan no. 2, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor telah menjalankan pelbagai program untuk menggalakkan masyarakat supaya mengamalkan amalan kitar semula. Program-program kitar semula juga turut dijalankan oleh PBT-PBT. Pada masa akan datang, dengan adanya Dasar Alam Sekitar Negeri Selangor, kerajaan Negeri melalui JAS Selangor akan mengadakan lebih banyak program dalam menggalakkan masyarakat mengamalkan aktiviti kitar semula.

Untuk jawapan no. 3. Program-program yang dijalankan oleh JAS Selangor untuk mendidik masyarakat mengenai pentingnya amalan kitar semula ialah dengan mengadakan seperti ceramah, seminar, bengkel, pameran dan kem kesedaran alam sekitar. Baru-baru ini kita telah melaksanakan program besar seperti pemantauan bersepadu, restoran persisiran pantai Tanjung Harapan dan Bagan Hailam, Pelabuhan Klang, seminar kelas ke Lestarian pesisir pantai, pelancaran program kitar semula minyak masak komuniti Shah Alam dan juga soal selidik tentang kesedaran awam ini. Selain daripada itu, antara program-program yang juga dijalankan adalah membekalkan set tong kitar semula termasuk menyediakan pusat kitar semula dan juga menerbitkan dan mengedarkan *flyer*, Pertandingan Kitar Semula Antara Sekolah, Kempen Bebas Plastik di Kompleks membeli belah, dan Projek pengkomposan sisa kebun dan sisa makanan. Sekian, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: SELANGOR LULUS MANSUH ISA**

33. Selangor merupakan kerajaan negeri pertama di Malaysia yang membawa, membahas dan seterusnya meluluskan usul agar akta zalim ISA dimansuhkan. Langkah ini sekali gus meningkatkan usaha menentang akta zalim ISA daripada hanya dilakukan oleh NGO seperti Gerakan Mansuhkan ISA (GMI) kepada satu usaha yang dimainkan oleh sebuah kerajaan negeri. Ekoran daripada pencapaian ini:

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah program-program khas yang diluluskan sehingga kini oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Selangor dalam meningkatkan lagi kempen menentang akta zalim ISA terutama program-program penerangan serta pendidikan kepada rakyat khususnya yang melibatkan pencabulan hak asasi manusia yang berlaku di bawah akta zalim ISA?
- b) Adakah peruntukan-peruntukan kewangan khas yang dikeluarkan bagi merancakkan lagi kempen-kempen menentang akta zalim ISA di peringkat DUN dan Parlimen dalam negeri Selangor?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor boleh memberi peruntukan kewangan bagi menjayakan kempen menentang akta zalim ISA kepada NGO seperti Gerakan Mansuhkan ISA (GMI).

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, mengenai usaha untuk memansuhkan undang-undang ISA saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor merupakan antara kerajaan yang menunjukkan beberapa usaha dalam pemansuhan ISA. Sebagaimana Yang Berhormat Hulu Kelang maklum kita antara DUN yang pertama yang membincangkan isu ISA di dalam Dewan yang mulia ini. Namun, undang-undang yang digubal oleh Parlimen Malaysia dan pemansuhan ataupun perubahan undang-undang ini hanya dibuat apabila Parlimen Malaysia bersetuju untuk melakukannya masa ini Hulu Kelang terpaksa mempunyai tugas yang sangat besar dalam usaha yang membolehkan Parlimen Malaysia supaya mempunyai lebih ramai ahlinya yang menyokong pemansuhan ISA. Ini satu langkah yang paling penting.

Kedua, kita berbincang dengan `Coalition Of Good Governance' (CGG) Gerakan Mansuh ISA (GMI), dan kita juga ada menaja kos perjalanan keluarga tahanan ISA ke Kemunting sekali sebulan, di samping membantu belanja keseluruhan anak-anak tahanan ISA. Walau bagaimanapun, kempen Gerakan Memansuhkan ISA ini merupakan inisiatif yang menyeluruh yang saya percaya rakyat negeri Selangor dan juga rakyat Malaysia mula memahami tentang isu ISA ini dan kebebasan rakyat.

Saya berharap kita negeri Selangor dapat bersama-sama dalam program ini, walaupun saya tahu dalam usaha ini terdapat rintangan-rintangan, misalnya di negeri Selangor kumpulan Pemansuhan Gerakan Mansuh ISA berkumpul, tidak dapat permit. Walau bagaimanapun, saya dapat berbincang dengan CPU (Ketua Polis Negeri) kalau perbincangan itu dibuat di dalam dewan ia tidak mendapat tentangan daripada pihak Polis tetapi rakan-rakan daripada Gerakan Memansuhkan ISA (GMI) berpendapat kebebasan itu mesti sampai juga ke padang dan ke jalan raya.

**TUAN SPEAKER:** Morib.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM  
(MORIB)**

**TAJUK: ISU PASIR DAN PENGUATKUASAAN**

34. Bertanya Kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor
  - a) Berapakah jumlah kutipan kompaun pasir yang dikutip sepanjang 2 bulan pertama tahun ini mengikut daerah di Negeri Selangor?
  - b) Di manakah kawasan operasi yang telah diluluskan di Negeri Selangor?
  - c) Bilakah Jadual pengeluaran dan waktu operasi bahan batuan di Negeri Selangor dilaksanakan?

**YB TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker, setakat ini tiada kompaun dikeluarkan kerana pada 1 Januari 2009 telah dikuatkuasakan pemakaian Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2008 [Akta A 1333] bagi semua negeri di seluruh Semenanjung Malaysia di mana terdapat pindaan bagi seksyen 429B (*compounding of offences*) di mana kuasa mengkompaun kesalahan kini oleh Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah adalah tertakluk kepada kebenaran

bertulis daripada Pendakwa Raya selaras dengan keputusan Mahkamah semasa dan Perkara 145(3) dan (3A) Perlembagaan Persekutuan. Akta A1333 ini menghendaki penyediaan garis panduan dan pekeliling berhubung pelaksanaan seksyen-seksyen pindaan bagi tujuan memudah cara pemakaian dan pelaksanaannya oleh pihak pentadbiran tanah negeri dan daerah

Soalan yang kedua, semenjak 15 September 2008 sehingga Februari 2009, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd telah membuka 3 buah lombong seperti berikut :

- |     |   |  |
|-----|---|--|
| DK1 | - | Lot 32546 Mukim Dengkil, Daerah Sepang             |
| DK2 | - | Lot 32543 Mukim Dengkil, Daerah Sepang             |
| BJ1 | - | Lot 6232 Mukim Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor |

Waktu operasi bahan batuan di Negeri Selangor adalah di antara pukul 8.00 pagi hingga pukul 6.00 petang. Syarat tersebut perlu dipatuhi oleh pengusaha bahan batuan dan kegagalan mematuhi syarat tersebut boleh menyebabkan permit ditarik balik serta merta.

**YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, waktu pertanyaan sudah tamat. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk aturan urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Usul 3 Tahun 2009 usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**TUAN SPEAKER:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Sekinchan untuk meneruskan perbahasan usul, pembentangan usul. Dipersilakan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, terima kasih. Ingin saya ulang sedikit, sedikit perenggan usul saya untuk makluman Dewan yang mulia ini. Usul saya berbunyi begini :-

“Bahwasanya Dewan yang mulia ini mengambil satu ketetapan mendesak Kerajaan Pusat supaya akur dan utamakan hak serta kepentingan rakyat Negeri Selangor dan Kuala Lumpur dalam rundingan pemberian balik pengurusan air daripada syarikat konsesi iaitu Puncak Niaga Sdn. Bhd., SPLASH dan Konsortium ABAS Sdn. Bhd. serta SYABAS Sdn. Bhd.”

Tuan Speaker, Kita sedia maklum air merupakan sumber alam anugerah Tuhan kepada seluruh umat manusia. Khazanah ini tidak boleh dimonopoli ataupun dibolot oleh segelintir individu tertentu sahaja yang mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak penguasa untuk menjadi kaya-raya dan seterusnya menyebabkan, kesengsaraan, kesusahan dan bebanan besar kepada rakyat jelata. Mari kita imbas kembali sedikit latar belakang sejarah penswastaan air di Negeri Selangor yang bermula pada 1996, semasa zaman pemerintahan Tan Sri Muhammad Taib sebagai Menteri Besar. Dasar tersebut disambung oleh Yang Berhormat Sungai Panjang, Yang Berhormat Sungai Panjang semasa menjadi Menteri Besar dan pada ketika itu rakyat Negeri Selangor sering diwar-warkan, diwar-warkan, digembar-gemburkan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang kononnya melalui dasar penswastaan ini, rakyat Negeri Selangor akan

menikmati berbagai-berbagai faedah termasuk mendapat air yang bersih dan sebagainya. Namun begitu hakikatnya umpama indah khabar dari bayangan. Sebenarnya apa yang rakyat Selangor dapat bukan sahaja kualiti air yang masih tak berapa nak bersih, bukan tak berapa nak bersih, kotor, air kotor, keruh malahan mutu perkhidmatan syarikat konsesi SYABAS Sdn. Bhd. masih tidak memuaskan dan lambat bertindak apabila menerima aduan dan tiada respons apabila menerima aduan daripada pengguna, lambat memberi respons kepada pengguna. Di samping itu, *charge* denda penyambungan semula saluran paip air dikenakan oleh SYABAS sekarang ini sebanyak RM50.00 tetapi sebelum penswastaan rakyat hanya dikenakan *charge* RM10.00 sahaja. Ini perbezaan.

Tuan Speaker, projek penswastaan air di Negeri Selangor melalui syarikat konsesi ternyata tidak memberi kebaikan dan manfaat kepada rakyat Negeri Selangor manakala pihak syarikat konsesi air sehingga setakat tahun 2008 masih menanggung, menanggung hutang sebanyak RM6.4 bilion. Berikut saya senaraikan dengan *detail* kedudukan hutang syarikat konsesi :-

- a) Hutang bersih Puncak Niaga Sdn. Bhd. ialah RM1.3 bilion
- b) Hutang bersih SYABAS Sdn. Bhd. ialah RM2.9 bilion
- c) Hutang bersih untuk SPLASH ialah RM1.6 bilion
- d) Hutang bersih ABAS Sdn. Bhd. ialah RM640 juta

Jumlah keseluruhan hutang bersih yang kita campur keempat-empat ini adalah RM6.4 bilion. Maknanya prestasi kewangan syarikat konsesi yang dinyatakan itu adalah amat tenat, kritikal, hampir-hampir muflis, hampir bankrap. Sementara itu aset air yang dimiliki oleh syarikat konsesi, syarikat konsesi hanya memiliki 30% aset sahaja. Bakinya aset yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah RM70%.

Tuan Speaker, walaupun angka dan fakta yang diberikan oleh syarikat konsesi membuktikan kepada kita bahawa mereka sedang menghadapi krisis kewangan yang teruk. Apa yang memerlukan kepada kita syarikat SYABAS Sdn. Bhd. masih mampu membayar gaji dan elaun yang paling tinggi dalam sektor industri air di Negara Malaysia ini. Paling tinggi saya beri contoh. Gaji asas Penggerusi Syarikat SYABAS Sdn. Bhd., Tan Sri Rozali adalah sebanyak RM5.1 juta setahun, RM5.1 juta setahun bersamaan dengan RM425 ribu satu bulan. Gaji dia RM425 ribu satu bulan belum lagi dicampur dengan elaun-elaun tambahan yang lain.

Tuan Speaker, sehubungan itu kita sebagai rakyat biasa, kita boleh kira, boleh buat *simple calculation* dengan izin pada gaji tersebut. RM5.1 juta ini setahun maknanya sebulan RM425 ribu. Kalau satu hari kita kira gaji dia RM16,340 lebih. Satu hari gaji RM16,346 lebih, satu jam lebih kurang RM2,043.25 satu jam, bayangkan sat jam. Kalau satu minit *telong pelo* ringgit, dengan izin RM34.00 satu minit, satu minit. Kalau satu saat 56 sen, ehem 56 sen, ehem 56 sen, ehem 56 sen. Itulah gaji, kita bayangkan berapa betapa besarnya gaji yang dimiliki oleh Tan Sri Rozali. Kalau pengundi-pengundi rakyat-rakyat di Sekinchan jangan cakap satu hari RM2,000.00. satu tahun pun tak dapat Tuan Speaker. Satu tahun pun tak dapat. Sebagai petani satu tahun RM20,000.00 tak dapat. Ini serius lebih kurang RM12,000.00 aje satu tahun. Ini dia, macam mana dia boleh dapat gaji. Syarikat kewangan teruk, hampir muflis, hampir bankrap tapi boleh bayar gaji, boleh bayar gaji yang sebeginu tinggi. Bebanan syarikat SYABAS ini saya kira tadi hutang bersih dia RM2.9 juta. Dan saya fikir dalam perkara ini, dalam konteks ini mesti ada sesuatu yang tidak kena. Bahkan orang kata ada udang

di sebalik batu. Mungkin ada sesuatu yang dia tidak nyatakan. Mungkin syarikat air ini mempunyai banyak keuntungan tetapi dia gunakan cara yang lain untuk menipu rakyat Negeri Selangor. Ini cara mereka.

Tuan Speaker, atas rasa tanggungjawab Yang Amat Berhormat Tan Sri selaku Menteri Besar Selangor mengambil inisiatif dan atas prinsip kepedulian terhadap kesengsaraan rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah membuat keputusan untuk mengambil alih pengurusan air Negeri Selangor daripada syarikat konsesi dengan harapan ia dapat meringankan bebanan saraan hidup yang ditanggung oleh rakyat Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Matlamat dan objektif penstrukturran semula industri air yang ingin saya huraikan di sini ialah membekalkan air yang bersih dengan harga yang lebih murah daripada syarikat konsesi. Kalau kita ambil alih, kita akan bekalkan air yang lebih murah dan bersih dan meningkatkan mutu perkhidmatan serta kualiti air dia. Ini antara objektif dan matlamat Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk memimpin penstrukturran semula industri air telah, dia telah dipersepujui oleh *terminate* pada awal tahun 2008. Susulan daripada itu satu pasukan panel, panel perunding air telah di tubuh oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri untuk menyemak semula secara terperinci mengenai penyelewengan dan salah guna kuasa yang dilakukan oleh pihak syarikat konsesi. Berbekalkan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh para ahli-ahli panel yang kita lantik, beberapa bukti sahih telah dikenal pasti. Berikut adalah di antara bukti penyelewengan dan salah guna kuasa yang kita dapati :-

1. Dalam kontrak perjanjian syarikat konsesi disyaratkan mesti melantik kontraktor dan pembekal secara tender terbuka sebanyak 75%. Tetapi pihak konsesi telah melanggar, melanggar syarat tersebut dengan melantik kontraktor dan pembekal secara *direct nego*, dengan izin secara rundingan terus. Lebih kurang 72% mereka lantik secara *nego*, *direct nego*, rundingan terus.
2. Dalam konteks perjanjian syarikat konsesi diwajibkan membeli bekalan paip air tempatan dengan syarikat tempatan tetapi dalam konteks ini pihak syarikat konsesi telah membeli bekalan air, bekalan paip air sebanyak RM600 juta, RM600 juta daripada Negara Indonesia melalui syarikat dan pembekal, syarikat dan pembekal yang dimiliki oleh Tan Sri Rozali, Pengurus syarikat konsesi. Ini satu pertindihan, *conflict of interest* dengan izin di mana pengurus syarikat konsesi tubuh syarikat sendiri bawa paip air daripada Indon, daripada Pulau Jawa ke mana seko jowo, bawa masuk untuk pasang di Malaysia. Sedangkan dalam kontrak mesti gunakan tempatan. Ini antara syarat-syarat yang mereka langgar.
3. Pihak Kerajaan hanya meluluskan RM23.2 juta untuk disalurkan sebagai perbelanjaan pengubahsuaian pejabat Syarikat SYABAS. Bagaimanapun sejumlah RM51.2 juta telah di belanja untuk pengubahsuai pejabat-pejabat. Maknanya lebih kurang lebih daripada satu kali ganda daripada peruntukan asal. Ini antara syarat-syarat yang mereka terang-terang langgar.

Tuan Speaker, jadi oleh kerana, oleh sebab itu Kerajaan Negeri Selangor berhak menyemak dan membatalkan kontrak perjanjian konsesi dengan kaedah skim penstrukturran semula industri air kerana SYABAS telah melanggar dan memungkiri janji. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri dan barisan pimpinan kerana berani

mendedahkan dan membongkar segala kepincangan-kepincangan dan penyelewengan yang dilakukan oleh pihak konsesi. Jikalau Negeri Selangor masih lagi, masih lagi ditadbir oleh Barisan Nasional, oleh Yang Berhormat Sungai Panjang pendedahan penyelewengan dan salah guna kuasa sedemikian enggak berani mereka lakukan. Tidak mungkin mereka akan untuk membuat pendedahan ini, tidak mereka akan lakukan, tidak. Yang Barisan Nasional pentingkan, tekankan bukan soal hak dan kepentingan rakyat. Mereka tidak mementingkan itu. Yang mereka pentingkan adalah soal kepentingan pemimpin mereka dan syarikat kroni yang berpaktat dengan mereka. Ini perbezaan di antara Kerajaan Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional. Itulah yang menyebabkan Barisan Nasional ditolak pada 8 Mac yang lalu dan rakyat pandai memilih Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor. Syabas diucapkan kepada seluruh rakyat Negeri Selangor.

Tuan Speaker, rakyat Selangor wajib diberitahu tentang implikasi dan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya usaha murni rundingan mengambil alih semula pengurusan air gagal dilakukan, dilaksanakan angkara, angkara sabotaj dan campur tangan daripada Kerajaan Pusat. Di antara implikasi yang paling buruk, yang bakal melanda rakyat Negeri Selangor, bukan sahaja rakyat Negeri Selangor. Baiknya Kerajaan Negeri Selangor pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri bukan sahaja kita mempertahankan kepentingan dan hak rakyat Negeri Selangor. Kita juga dalam masa yang sama mempertahankan kepentingan rakyat Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ini baik hatinya Kerajaan Negeri Selangor. Sebab air kita juga salurkan kepada Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sekiranya kita gagal kerana sabotaj daripada Kerajaan Pusat, campur tangan daripada mereka maka kenaikan air adalah seperti berikut :-

Dijangkakan 1hb. April. 2009 akan naik sekiranya kita gagal 37%. Pada tahun 2012 naik lagi 25%. Pada tahun 2015 naik lagi 20%. Sungai Pelek 2015 naik lagi 20% ya, ambil perhatian. Pada tahun, catit bagus, terima kasih Sungai Pelek ini memang prihatin. 2019 naik lagi 10%. Pada 2021 naik 5%, 2024 naik lagi 5%, 2027 naik 5%, 2030 naik lagi 5%. Yang kita dengar asyik naik saja, naik. Ia, Barisan Nasional itu Barisan Naik. Barisan Naik, jadi apa kontrak yang mereka *sign* yang mereka tandatangani, semuanya tidak memberi kebaikan kepada rakyat, semuanya Barisan Naik, semuanya naik harga. Termasuk barang naik, Barisan pun naik. Naik apa? Naik harga, naik tol, naik air, ini naiklah. Naik elektrik. Kampung Tunku bagi tahu naik elektrik. Tak ada yang dia *sign* turun, tak ada. Yang turun air hujan saja.

Tuan Speaker, implikasi seterusnya ialah perlaksanaan pembelian 20 meter padu air percuma kepada semua rakyat Negeri Selangor akan dibatalkan sekiranya kita gagal. Sekiranya Kerajaan Negeri Selangor gagal dalam usaha mengambil alih ini, pembelian 20 meter air percuma akan dibatalkan dan tambahan pula dalam tempoh masa 30 tahun ini air kita harga dia akan mencecah, mencecah RM3.83 sen satu liter. Maknanya *banyu, banyu*, air itu, air itu akan lebih mahal daripada petrol. Waktu dalam tempoh 20 tahun ini dalam masa puluh tahun ini kalau kita minum air lebih baik kita minum petrol daripada minum air. Sebab petrol kita RM1.80 sen Yang Amat Berhormat, Tuan Speaker. Tuan Speaker RM1.80 sen satu liter ya, petrol kita, air RM3.80 sen. Jadi kita terpaksa minum petrol. Dan saya khuatir Tuan Speaker, saya khuatir jikalau pada masa itu rakyat di DUN Sekinchan, di Sungai Panjang, di Sabak, rakyat di Sabak kemungkinan mereka terpaksa ubah, ubah cara hidup seperti apa yang diserukan oleh Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Najib. Kita kena ubah cara hidup. Mereka terpaksa kembali semula kepada cara hidup 20, 30 tahun yang lalu. Minum air hujan,

minum air hujan sebab apa? Tak mampu nak beri air. Nak bayar bil RM3.83 sen bayangkan, inilah Barisan naik yang kita dokong selama ini. Baik kita kena bertaubat.

Tuan Speaker, persoalannya kenapa Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd., PBA hanya mengenakan caj sekadar purata, domestik RM0.37 sen setiap meter padu masih boleh mencatat keuntungan sedangkan SYABAS Sdn. Bhd. Mengenakan caj purata domestik yang tinggi sebanyak 0.77 sen. Pulau Pinang, Syarikat Perbadanan Air Pulau Pinang caj 0.37 sen purata domestik. Dia boleh untung, dia masih untung dengan banyak. Tapi SYABAS caj 0.77 sen purata domestik di Negeri Selangor mereka rugi. Tapi bayar Penggerusi RM5.1 juta. Inilah SYABAS boleh, Barisan pun boleh. Boleh, boleh bankrapkan.

Tuan Speaker, walau bagaimanapun, janji kita Pakatan Rakyat sekiranya berjaya, sekiranya, tadi kita gagal, kalau kita gagal macam mana? Pro and kontra. Sekarang kita huraikan, saya huraikan. Kalau kita berjaya macam mana. Sekiranya kita berjaya mengambil alih semula pengurusan industri air maka penurunan, kita akan turunkan air 10% pada tahun 2009. Kalau kita berjaya kita turun 10%, manakala 2011, kita turun 20%. Dijangkakan, jangkaan 20%. Sungai Pelek ya, kita turun 20% Sungai Pelek. Kita tak naik, kita turun. Ok bagus ya. Sokong ya Sungai Pelek, sokong. Syukur Alhamdulillah, terima kasih Sungai Pelek. Sokong, sokong, sokong dan bagus, bagus terima kasih. Dan pada tahun 2013, 2013 kita turun lagi 25%. Sementara itu pembelian air 25 meter padu akan kita teruskan bukan sahaja kepada rakyat Negeri Selangor, kepada rakyat Kuala Lumpur dan Putrajaya kita teruskan hingga selama-lamanya, selamalah Pakatan Rakyat memerintah sepuluh penggal, itu kita teruskan sampai situ. Boleh ya? Tan Sri janji dah. Yang Amat Berhormat Tan Sri dah janji. Ini janji kita sekiranya kita berjaya. Tapi kalau gagal terpulanglah.

Tuan Speaker, saya merasa kesal dan hairan kenapa ketika Kerajaan Negeri Selangor masih dalam proses penilaian, segala aset dan ekuiti yang dimiliki oleh syarikat konsesi sudah terdapat kerja-kerja mensabotaj untuk menggagalkan usaha tersebut. Pada 13hb. Februari, 2009 Kerajaan Negeri telah memberi tawaran pembelian aset dan ekuiti sebanyak RM5.7 bilion kepada konsesi tetapi pihak Kerajaan Pusat telah mencelah tanpa memberi notis pembeli tawar kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor pada 18hb. Februari. 13 kita hantar tawaran Negeri Selangor, 18 dia tiba-tiba langgar masuk. Dia celah, dia langgar masuk tanpa izin daripada Tuan Speaker, kalau dalam Dewanlah, kalau dalam Dewan. Tapi dengan perjanjian ini dia buat macam itu. Inilah antara kerja-kerja. Ini saya sifatkan sebagai satu bentuk campur tangan, satu bentuk sabotaj yang tidak sopan dan biadab serta tidak menghormati hak rakyat Negeri Selangor. Lantaran itu, pada 20hb. Februari 2009 pihak syarikat konsesi telah menolak tawaran Kerajaan Negeri Selangor kerana mereka disokong, mereka disokong, di pertahan, dipertahankan dan dibela oleh Kerajaan Pusat. Jadi mereka ada tawaran lain, dia tolak tawaran Negeri Selangor. Ini dia kerja jahat yang berniat jahat daripada Kerajaan Pusat.

Tuan Speaker, saya juga dimaklumkan bahawa Kerajaan Pusat bersedia memberi syarikat konsesi yang mengalami kerugian dan menanggung hutang bersih sebanyak RM6.4 bilion dengan harga antara RM9 bilion hingga RM13 bilion. Ini berita yang kita dapat. Kita nak beli RM5.7 bilion, kita dah kira dan pulangan sebanyak lebih kurang 12% kita bagi dia pulangan belum dia bermiaga akan datang kita dah beri dan masuk dalam situ RM5.7 bilion. Selangor dah tawarkan dengan perkiraan sebab Yang Amat Berhormat Tan Sri ini seorang juru ekonomi yang begitu baik. Dah kira semua dah, tapi Kerajaan Pusat, tak tahu dia pakai *momok ke*, pakai *pawang ke*, pakai sihir apa, dia

kira-kira sampai lebih kurang RM9 hingga RM13 bilion. Satu kali lebih ganda daripada perkiraan Negeri Selangor. Inilah Kerajaan Barisan Nasional yang nak, ini satu bentuk saya kira sebagai bentuk *bellout* untuk menyelamatkan kroni mereka bukan untuk menolong rakyat. Saya minta Sungai Pelek, kalau boleh balik bagi tahu Kerajaan Pusat, ini rakyat tak boleh terima. Kalau buat macam ini lagi alamat 10 penggal pun tak boleh naik. Ini penting.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tunggu saya jadi Ahli Parlimenlah.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Ha, jadi Ahli Parlimen, ok

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tunggulah, sabar.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Kita angkat jadi Ahli Parlimen, tolong suarkan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek, saya dah cakap nak mencelah bangunlah. Nak mencelah bangun, saya akan benarkan. Jangan duduk cakap tu ya, tak sopan ya, ikut peraturan, ikut peraturan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ok Tuan Speaker, kita selalu kedengaran ada banyak-banyak ungkapan. Ada orang kata pencuri pasir, pencuri balak, pencuri kontrak, pencuri saham, penculik ADUN, perampas kuasa dan belum pernah kita dengar penyamun air. Penyamun air zaman modenlah ini Barisan Nasional. Saya bagi ungkapan baru, penyamun air zaman moden, Barisan Nasional. Perampas kuasa ada secara haram, penculik ADUN pun ada, semua ada, ok.

Tuan Speaker, dalam Akta Perkhidmatan Industri Air 2006, *Water Service Industries Act 2006/191 (5)* yang berbunyi seperti berikut. Saya baca Tuan Speaker:

"Ketetapan mengenai jumlah isu kepentingan awam dalam Negara yang berbangkit daripada penguatkuasaan akta ini hendaklah dilakukan oleh Menteri berkenaan dan ketetapan tersebut hendaklah muktamad dan dipatuhi oleh semua pihak. Dan tidak boleh dicabar, dirayu, dinilai, dimansuhkan ataupun dipersoalkan di mahkamah. "

Sehubungan itu saya minta, saya mendesak menteri berkenaan Dato' Shaziman tolong gunakan kuasa mutlak, kuasa mutlak yang ada pada tangan untuk membantu menjayakan, membantu menjayakan skim penstrukturkan industri air dan kembalikan semula pengurusan air kepada Kerajaan Negeri Selangor tanpa sebarang alasan yang digunakan untuk berdolak-dalik. Ini penting sebab menteri dalam perjanjian wasiah 2006/191/(5) telah diberi kuasa penuh untuk boleh tolak apa-apa alasan yang tidak munasabah. Maknanya dalam konteks ini bagi terus kepada konsesi memang tidak berbaloi. Jadi menteri mesti berdiri bersama Kerajaan Negeri Selangor, menteri bukan berdiri bersama syarikat konsesi. Ini jelas, ini prinsip sepatutnya begini diperjuangkan oleh menteri. Kalau menteri itu enggak bisa buat macam itu, menteri ini patut kita kalahkan dalam pilihan raya.

Tuan Speaker, sehingga mutakhir ini rakyat Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya masih tak tahu apakah nasib dan masa depan mereka. Sama ada akan terus menikmati pemberian air 20 meter padu dan harga air yang murah dan berkualiti kerana campur tangan dan sabotaj serta niat jahat yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat. Namun begitu saya berharap, saya berharap, Sekinchan berharap segala rintangan dan

halangan serta cubaan yang dihadapi dapat diatasi dalam masa terdekat, dalam masa terdekat kita dapat mengatasi semua rintangan. Akhir kata saya menyeru Kerajaan Pusat Barisan Nasional segera bangun daripada turu, daripada tidur, bangun daripada tidur, hormatilah hak rakyat, bertaubatlah seterusnya tunjukkan keikhlasan dan beri kerjasama dan sokongan penuh dan dukungan penuh terhadap usaha bumi Kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil alih pengurusan air daripada syarikat konsesi demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kalau Kerajaan Pusat andai kata, Sungai Pelek, kalau Kerajaan Pusat masih tetap berdegil dan mengingkari hak rakyat serta tidak berganjak dengan suara cebisan hati nurani rakyat, maka tiada cara lain rakyat terpaksa tunggu pilihan raya yang ketiga belas untuk bangkit membuat kejutan Tsunami secara tuntas untuk menghukum, nak menguburkan Barisan Nasional yang sombong dan angkuh ini.

Tuan Speaker, dengan ini saya minta akhir sekali saya mohon isu ini dipersetujui. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong ada? Ada penyokong?

**YB TUAN DR. CHEAH WING YIN:** Ya, Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Tak ada ucapan? Penyokong tak ada ucapan ya? Tak ada ucapan? Tak ada, baik. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Dipersilakan Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker. Alhamdulillah, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan ketetapan mendesak Kerajaan Pusat supaya akur dan mengutamakan hak serta kepentingan rakyat Negeri Selangor dan Kuala Lumpur dalam rundingan pembelian balik pengurusan air daripada syarikat konsesi iaitu Puncak Niaga, SPLASH, Konsortium ABASS dan juga SYABAS. Jadi Alhamdulillah saudara-saudara yang saya hormati sekalian, Yang Berhormat -Yang Berhormat. Kita tahu bahawa air ini adalah di antara rahmat ataupun nikmat yang Allah SWT berikan kepada kita. Saya rasa Bukit Melawati juga setuju bahawa air ini adalah pemberian dan anugerah yang Allah SWT dan beliau juga telah menerima bahawa beliau juga anak murid kepada Tok Guru Nik Aziz dalam isu Allah mengajar dalam isu perkauman ini. Jadi, ini adalah nikmat daripada Allah SWT seperti juga udara yang ada di sekeliling kita yang hari ini adalah nikmat yang besar daripada Allah SWT Hari ini kita sedut udara, satu hari, satu minit kita bernafas lebih kurang mungkin dalam 18 hingga 20 kali kita ..... udara yang percuma tanpa kita membayar satu sen pun daripada Allah SWT Tapi hari ini wujud di Negeri Selangor manusia yang satu saatnya bernilai lebih daripada 0.50 sen begitu tinggi harganya. Kalau tadi Sekinchan mengatakan setiap kali berdehem, satu dehem pun 50 sen, hari ini kalau terkentut pun dengan harga 50 sen. Jadi Yang Berhormat yang dihormati sekalian, kalau kita lihat daripada sejarah yang mungkin tadi juga telah diulas oleh Sekinchan daripada dahulu JBA, Jabatan Bekalan Air, kemudian PUAS diberikan kepada syarikat konsesi PUAS, kemudian SYABAS dan kemudian banyak lagi syarikat konsesi yang kita lihat di sini dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi kualiti dan pengurusan air di Negeri Selangor ini tapi apa yang kita rasa agak mengecewakan kalau di peringkat awal dahulu apabila kita lihat rungutan-rungutan daripada rakyat tentang kebersihan air itu sendiri yang dipertikaikan. Saya masih ingat lagi sewaktu Menteri Besar dahulu yang membuat program-program intervensi rakyat yang melawat ke daerah-daerah, dan saya ada juga, saya ada juga mengajukan soalan berkaitan

dengan kebersihan air ini dan dijawab bahawa kebersihan air ini tidak memberi masalah kerana kualitinya menepati dengan kualiti air di peringkat antarabangsa dan kita juga lihat masalah-masalah yang berikutnya seperti masalah dua bil, yang dulu kita diperhangat dengan isu-isu tersebut yang akhirnya semua ini memberi manfaat kepada syarikat-syarikat konsesi sahaja dan membebankan rakyat. Hari ini kalau kita lihat rakyat semua terkejut apabila dibentangkan dengan masalah-masalah pada hari ini yang mana kebersihan air itu sendiri masih dipertikaikan oleh rakyat dan kita lihat bagaimana pengerusi-pengerusi syarikat yang bergaji begitu banyak sehingga 5.1 juta setahun, imbuhan yang begitu tinggi, tidak mementingkan keperluan-keperluan kepada rakyat yang ini rakyat tidak menjadi satu matlamat yang mana sepatutnya hari ini kita lihat kerajaan Negeri Selangor dalam konsep masalah ekonomi Negeri Selangor memberi air percuma 20 liter padu air yang pertama kepada seluruh rakyat tanpa mengira apakah kaumnya, apakah ideologi mereka, diberi secara percuma. Hari ini kita cukup kecewa apabila berlaku perkara-perkara sebegini apatah lagi dengan pendedahan-pendedahan yang banyak lagi perkara-perkara yang berkaitan dengan rasuah dan sebagainya, rakyat saya rasa akan bangun menentang dengan Kerajaan Barisan Nasional yang mengujudkan program-program seperti ini yang akhirnya tidak memberi keuntungan kepada rakyat itu sendiri. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati sekalian hari ini kalau dibandingkan timbul isu apabila EXCO-EXCO dan Menteri Besar mengisyiharkan harta mereka dibandingkan dengan pendapatan bulan, kita lihat hari ini pengerusi Syabas mempunyai pendapatan yang begitu tinggi sekali. Jadi kalau kita lihat Kerajaan Pakatan Rakyat hari ini mementingkan kebajikan rakyat melebihi daripada keperluan kerajaan itu sendiri. Jadi kalau kita lihat Syabas, kalau kita imbas kembali pada Perhimpunan Agung UMNO tahun lepas, siapakah penaja utama di dalam perhimpunan tersebut dan insya-Allah saya rasa pada tahun ini perkara ini akan diulangi lagi, kita tunggu dan lihat. Jadi saya berdiri di sini menyokong agar kita Kerajaan Negeri Selangor mengutamakan dan memberi ketetapan supaya Kerajaan Pusat ini, kita desak supaya penyelenggaraan air di Negeri Selangor ini diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tuanku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kampung Tuanku juga ingin berdiri untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Sekinchan. Tuan Speaker baru-baru ini saya ditanya satu soalan yang saya rasa amat terkena soalan ini ialah kalau kita jumpa orang Barisan Nasional dengan seekor ular siapakah yang kena kita pukul. Ini bertukar sedikit, jadi jawapan yang diberikan kepada saya ialah orang Barisan Nasional bukan ular. Tuan Speaker, beginilah soalan yang diberikan kepada saya ini, rakan-rakan saya dari Sekinchan dan Sijangkang telah menerangkan Usul mereka, menerangkan pendirian mereka. UMNO dan Barisan Nasional selama ini lah yang menjadi penipu, penyangak, perampas kuasa, penculik ADUN, penyamun air, penindas hak rakyat. Sebut sahaja apa kesalahan dan dosa mereka semua ada jadi saya berpendapat adalah tidak wajar untuk kita terus bergentlemen dengan mereka. Dalam isu air ini kita telah melihat betapa rakus UMNO dan Barisan Nasional dalam menidakkann hak Kerajaan Negeri dalam memperjuangkan tarif air yang lebih murah kepada semua rakyat jelata di Selangor, di Putrajaya dan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Hakikatnya saya di sini juga ingin menggesa kepada Kerajaan Negeri bahawa sekarang sudah sampailah masanya untuk kita mengambil tindakan yang drastik. Kita telah sudah lama bergentlemen, berurusian, berunding dengan pihak-pihak Kerajaan Persekutuan tetapi sehingga sekarang nampaknya Kerajaan Negeri masih dalam keadaan yang sedikit defensif. Kita perlu

menjadi lebih agresif dan saya di sini ingin mencadangkan lah beberapa langkah yang saya rasa wajar dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah ini kerana kita semua perlu beringat tarikh akhir untuk kita menyelesaikan masalah ini ialah pada 31 Mac 2009, kita masih ada lebih kurang dua minggu sahaja lagi. Jadi kita perlu melakukan sesuatu, yang pertama sama ada kita boleh membawa perkara ini ke Mahkamah saya rasa jika ya maka ia perlulah dilakukan kalau bukan pada hari ini maka pada hari esok. Bolehlah kita memohon satu *injunction* untuk memanjangkan masa ini atau tidak ataupun apa-apa cara yang kita buat boleh meminta daripada Mahkamah untuk menyelesaikan masalah ini.

Yang kedua yang mana saya rasa ini adalah satu cadangan yang juga sangat penting, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya meminta, menulis kepada Dewan yang mulia ini, meminta untuk mencadangkan menujuhan sebuah Jawatankuasa Dewan, sebuah Jawatankuasa pilihan untuk menyelesaikan atau meneliti masalah ini. Kerana saya rasa di sini maka kita dapat menaikkan apa yang kita ada selama ini oleh Kerajaan Negeri melalui *water review panel* ke satu tahap yang lebih tinggi, ke satu tahap yang mempunyai kedudukan sebagai sebuah Jawatankuasa Dewan. Dengan adanya jawatankuasa ini maka kita bolehlah membuat pendengaran awam dan membuat keputusan-keputusan yang mempunyai impaknya dari segi perundangan. Saya rasa ini adalah satu cara yang dapat saya fikirkan sama ada ianya boleh menyelesaikan masalah ini dalam masa yang terdekat atau tidak, saya rasa kita boleh cuba, tidak ada salahnya.

Yang ketiga ini lebih drastik, ini juga pernah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu jangan kita bekalkan air kepada keempat-empat syarikat konsesi ini. Walaupun ada *pro and con* tetapi saya di sini ingin juga mencadangkan bahawa bolehlah kita laksanakan cadangan ini. Kita semua perlu tahu pihak yang kita sedang berurusan ini ialah pihak-pihak yang telah diberi tohmahan dan diberi gelaran sebagai penyangak, perampas kuasa, mereka bukan *gentlemen*, kalau mereka tidak bersikap seperti seorang *gentlemen* apabila berurusan dengan Kerajaan Negeri maka bolehlah kita membuat sesuatu untuk membolehkan yang tidak *gentlemen* ini kembali ke pangkal jalan mereka. Kita bolehlah putuskan bekalan elektrik, bekalan air ke Putrajaya, kalau boleh putuskan bekalan air ke Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi selama seminggu, sebulan. Saya tidak pasti ini boleh dilakukan atau tidak tetapi tindakan drastik ini perlu diambil jika kalau kita dihimpit ke satu sudut di mana kita tidak ada peluang untuk melawan balik. Sekali lagi saya rasa ingin berpesan kepada semua, *we are not during this a party who treated as a fare partner*. Kita bukanlah urusan seorang ataupun satu pihak yang menganggap Kerajaan Negeri ini sebagai satu pihak yang memberi autoriti. Kita boleh lihat dalam beberapa insiden yang berlaku pada baru-baru ini Menteri KTAK, kementerian Menteri KTAK Dato' Shahziman Mansor pernah menyatakan pihak Persekutuan tidak ada masalah dalam rundingan air dengan negeri-negeri yang lain termasuk negeri-negeri Pakatan Rakyat dan saya di sini ingin berpesan kepada semua ADUN dan juga pihak media, bahawa kenyataan Menteri ini adalah tidak benar. Saya telah meminta pandangan salah seorang daripada anggota *water review panel* dan saya difahamkan bahawa sebenarnya rundingan di antara Kerajaan Pusat dengan negeri-negeri yang lain termasuk negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat belum lagi bermula. Jadi kalau rundingan belum lagi bermula, di mana datangnya masalah. Memang tak ada masalah kerana rundingan belum bermula. Jadi kenyataan Menteri ini adalah memesongkan kerana beliau hanya menyatakan sebahagian daripada fakta sahaja dan beliau dengan cara mengeluarkan sebahagian daripada fakta cuba memesongkan rakyat jelata.

Kemudian yang kedua, Menteri mengatakan bahawa tarif air akan dinaikkan sebanyak 31% berbanding 37% seperti yang dinyatakan di dalam perjanjian konsesi. Dia kata bahawa sekarang ni kita akan cadangkan turun sedikit daripada 37 kepada 31. Saya rasa ini adalah satu pilihan yang palsu. *It's a false choice* dengan izin. Kalau kita boleh, kalau Kerajaan Negeri boleh menawarkan, menurunkan tarif air sebanyak 10% daripada kadar sekarang mengapa rakyat perlu menerima kenaikan tarif sebanyak 31% walaupun ianya telah dikurangkan daripada 37%.

Dan yang ketiga, saya rasa prinsip yang penting ialah kita perlu memberi satu pengajaran kepada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat perlu lah menghormati Kerajaan Negeri. Sama ada Kerajaan Negeri, saya telah berpesan di pegang oleh Pakatan Rakyat atau Barisan Nasional, autonominya tetap ada. Tetap ada di dalam Perlembagaan Persekutuan. Dan saya rasa, saya bimbang kes ini akan berulang dan saya rasa sekarang sudah sampailah masa untuk kita sama-sama mengambil sesuatu. Bukan sahaja, ini bukan sahaja menjaga kepentingan Pakatan Rakyat, ini adalah untuk kepentingan semua rakyat negeri Selangor termasuk negeri-negeri, rakyat-rakyat yang telah memilih Barisan Nasional dalam Pilihan raya yang lepas. Kalau kita berjaya, mereka juga akan dapat menikmati tarif air yang lebih rendah jadi ini adalah beberapa ulasan yang saya ingin sampaikan di Dewan yang mulia ini dan saya berharap dapat dipertimbangkan sedalam-dalamnya, terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**YB TUAN HJ. SAARI B. SUNGIB:** Terima kasih, Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dengan menegaskan bahawa program penstrukturran pengurusan air adalah satu tanda dan bukti kegagalan program penswastaan air dan jika program penswastaan air tujuannya adalah untuk memindahkan dana besar daripada Pusat kepada syarikat-syarikat kroni maka penstrukturran air juga bertujuan untuk *bil out*, sebagaimana yang dinyatakan oleh Sekinchan. Saya hanya akan menyatakan sekali di sini tidak akan ditemui bual oleh wartawan di luar bahawa saya mempunyai maklumat bahawa program penswastaan air sebagaimana bukti di mana ketika pengurusan air di Selangor diuruskan oleh JBA, Jabatan Bekalan Air. Jabatan tersebut memohon peruntukan geran sebanyak RM250 juta untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan aset air dan pengagihan air di Selangor tapi tidak dapat kelulusan. Tapi sebaik sahaja penswastaan air dilaksanakan, peruntukan yang begitu lumayan, begitu pemurah melebihi 2 bilion telah diperuntukkan kepada syarikat kroni dan kesan daripadanya maklumat yang tidak akan saya ulang di luar Dewan, di dalam Dewan ini adalah wang tunai dipunggah berkereta-kereta untuk disalurkan kepada kepentingan parti politik yang memerintah. Dan inilah satu perkara yang sangat kita gerun. Sekiranya dengan kemudahan tersebut bertujuan untuk mengekalkan kuasa untuk membolehkan syarikat kroni membuat *gearing* dan perbelanjaan yang bermewah-mewahan untuk membiayai dana politik maka apabila mereka sudah tidak dapat menampung program air mereka sudah tidak dapat memberi khidmat yang terbaik dalam bekalan air kepada rakyat maka mereka *bil out*. Maka telah diwujudkan satu pendekatan yang cukup curang sekiranya pendekatan Kerajaan Pusat ini adalah dengan menggubal Akta-akta seperti ISA, OSA, Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak dan Mesin Cetak dengan memberi kuasa yang penuh kepada seorang Menteri maka taktik dan strategi yang sama digunakan dalam membolehkan semangat Persekutuan dalam pengurusan air ini di corak cabik kan iaitu dengan meluluskan *water services industry act*.

Saya lebih suka menyebutnya, *water industry services act*, WISA. Jadi, Undang-Undang ini membolehkan wujudnya Suruhanjaya Pengurusan Air, PAAB dan sebagainya yang memberi kuasa yang mutlak kepada pihak Pusat dan ini merupakan satu langkah yang akan menyebabkan contohnya penilaian kita, penilaian Kerajaan Negeri tentang aset, konsesi dan aset ekuiti bernilai 5.7 bilion tidak diterima kerana hutang yang dinyatakan oleh Sekinchan tadi yang dimiliki oleh pemegang konsesi melebihi 6.4 bilion maknanya ‘gap’ dengan izin 700 juta. Maka oleh kerana itu dalam akhbar *The Edge* telah melaporkan diura-urakan bahawa tawaran yang akan diketengahkan oleh Kerajaan Pusat kepada syarikat-syarikat yang berhutang besar ini mungkin melebihi 9 bilion. Sedangkan aset air yang sepatutnya dinilai 9 bilion yang 70 peratus milik Kerajaan Negeri Selangor dikatakan tak bernilai 1 bilion pun. Jadi ini merupakan satu konspirasi kalau Akta ini digunakan segala isu yang berkaitan dengan urusan air adalah bidang kuasa Menteri di bawah Akta, yang tidak boleh dipersoalkan, dipertikai, dicabar di mahkamah di ISA air ini. Jadi ini satu perkara yang bagi saya kita perlu perjelaskan kita perlu mendapat sokongan dalam mana semua pengurusan air kecuali Puncak Niaga ada ekuiti pegangan penglibatan suara sekurang-kurangnya anak-anak Syarikat Negeri Selangor. SPLASH ada Kumpulan Perangsang, ABBAS ada Kumpulan Perangsang, Puncak Niaga ada KDEB, dan KDEB menaungi Kumpulan Perangsang dan saya telah timbulkan isu bagaimanakah minoriti syer dalam konsortium ABBAS, konsortium ABBAS dipegang 100 peratus oleh Titisan Modal kemudian Titisan Modal itu dipecahkan 55 peratus kepada Kumpulan Perangsang, 45 peratus Operasi Murni. Dan bagaimanakah Operasi Murni yang memegang 45 peratus pegangan dalam konsortium ABBAS keseluruhannya boleh mengambil langkah tidak menghormati ekuiti yang lebih besar dipegang oleh anak Syarikat Negeri Selangor. Dan ini satu perkara yang kita perlu timbulkan, kita perlu beri kesedaran kepada rakyat Negeri Selangor agar rakyat Negeri Selangor dapat memahami bahawa kita perlu bersatu dan sebenarnya di sebalik apa yang saya nyatakan di sebalik Operasi Murni ini dipimpin oleh Senator Datuk Ikhwan Salim Sujak Ketua Bahagian UMNO PJ Utara. Dan juga Dato' Sumadi Ismail juga pemimpin UMNO. Jadi kalau kita membenarkan perkara ini kita jelaskan kepada masyarakat bahawa ini adalah satu konspirasi untuk menggagalkan rancangan memberi air 20 meter padu pertama setiap bulan untuk berterusan ataupun lebih, maka ini adalah satu perkara yang saya ingin usulkan, saya ingin cadangkan pertamanya: Kerajaan Negeri Selangor mestilah merangka satu strategi besar-besaran untuk membuat ‘road show’ dengan izin penerangan kepada seluruh rakyat kerana kita meminta bantuan PBT-PBT nampaknya sambutannya kurang baik, kurang memberangsangkan, kurang menggalakkan. Ini adalah input daripada panel air yang mengatakan apabila diadakan ‘road show’ melalui PBT-PBT sambutannya kurang, seolah-olahnya hambar sahaja pengurusan dan pentadbiran promosi. Jadi kita perlu melakukan satu rangsangan yang baik, semalam di Gombak di Hulu Klang, saya, Bukit Antarabangsa, Gombak, Batu Caves mengadakan satu taklimat yang penuh dan dihadiri oleh Ketua-ketua Kampung JKKK, JKP MPAJ dan sebagainya untuk menerangkan isu ini selama dua jam setengah, dan nampaknya kalau di peringkat kepimpinan penggerak Kerajaan di akar umbi perlu difahamkan perkara ini maka saya yakin untuk kita mendapat kefahaman yang jelas satu ‘road show’ besar-besaran hendaklah dilaksanakan di seluruh Negeri Selangor. Keduanya; saya ingin mencadangkan oleh sebab pendekatan ini adalah pendekatan yang berbentuk *psiko logikal* dengan izin iaitu pihak Pusat menggunakan tekanan undang-undang kepada Kerajaan Negeri, saya mengesyorkan dan menyokong usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar bertahan sama ada menggunakan pendekatan mahkamah, pendekatan ‘legal’, pendekatan politik, pendekatan publisiti dan sebagainya untuk menyatakan bahawa

Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan segala-gala ini hanya semata-mata untuk melindungi kepentingan dan hak rakyat. Terima Kasih, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk memberi penjelasan sekiranya ada.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya berterima kasih kepada rakan-rakan terutama Sekinchan yang turut memberi sokongan terhadap usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan rangsangan ini memberi kita motivasi untuk meneruskan lagi usaha ini. Hari ini kita meminta semua Ahli MMKN (EXCO) untuk menandatangani satu '*circular revolution*' sebab esok tak ada Mesyuarat EXCO oleh sebab saya menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja. Oleh sebab itu hari ini kita membuat satu resolusi dengan memilih lima (5) peguam ataupun Syarikat Peguam yang bersedia untuk mewakili kita ke mahkamah dan mempertahankan jika kita nak kemukakan isu-isu untuk mempertahankan langkah-langkah Kerajaan Pusat dan langkah-langkah konsesi untuk tidak meneruskan penyusunan semula air ini kepada Negeri Selangor. Kedua, saya ingin menegaskan, kita juga hendak mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan kerana boleh jadi pada fahaman saya, boleh jadi pihak Menteri mungkin tidak begitu diberikan penjelasan oleh Pegawai-pegawai Kementerian tentang kuasa-kuasa negeri tentang adanya Lembaga Urusan Air Selangor yang Enakmennya dibuat lebih awal daripada Akta Persekutuan mengenai air dan pengurusan air untuk seluruh Semenanjung.

Jadi Akta tersebut, iaitu LUAS, memberi kuasa yang termaktub, yang boleh memotong air mentah untuk di salur dalam loji pembersih air di mana-mana tempat di negeri Selangor. Saya juga sudah mengadakan perbincangan dengan beberapa mereka yang pernah membuat undang-undang dan merangka undang-undang yang dibentangkan di Parlimen. Saya ada berjumpa dengan bekas Menteri yang masa beliau menjadi Menteri Kementerian turut mengesyorkan undang-undang ini hingga undang-undang ini diluluskan. Beliau juga memberi pandangan kepada saya, iaitu tidak terfikir oleh beliau Kerajaan Persekutuan menghalang Negeri Selangor mendapat keupayaan untuk menguasai operasi air ini. Sebab 'semangat' ataupun tujuan usaha ini, inisiatif ini dilakukan kerana masalah yang terbesar di Semenanjung pada masa tersebut adalah masalah penswastaan air di Negeri Selangor. Itu sebab inisiatif itu dilaksanakan. Walau bagaimanapun, saya berharap perkara ini dapat diselesaikan sebelum penghujung Mac ini dan Kerajaan Negeri sudah sedia. Harapan saya Kerajaan Negeri dapat membeli balik semua konsesi itu dengan harga yang kita berikan sebab kita yakin harga itu munasabah.

Kedua; Kerajaan Persekutuan hendak membeli semua aset air negeri Selangor dengan jumlah yang kita nyatakan iaitu RM9 bilion dan saya berjanji dan Ahli EXCO berjanji lebihan wang itu hendak kita gunakan untuk menentukan operasi air di Negeri Selangor ini diuruskan dengan betul dan cekap dan kita menggunakan wang tersebut untuk penggantian paip dan loji-loji supaya air yang diperolehi, yang dibeli dan digunakan oleh masyarakat Negeri Selangor dalam keadaan yang lebih baik daripada dahulu -- bersih dan boleh diminum terus, yakni tidak takut tentang kekotorannya.

Kedua, kita juga merangka usaha supaya tidak ada air yang terteres yang terlepas sebanyak hampir 40 peratus. Kita hendak kurangkan sampai ke peringkat yang munasabah, sampai 10 peratus dan jika ini berlaku maknanya penurunan harga air memang boleh dilakukan. Sebagai contoh kalau kita bayar 75 sen bererti kita membayar

hanya membayar 60 peratus daripada air yang disalurkan. Kalau air yang disalurkan itu bukan 60 peratus tetapi katalah 90 peratus maknanya 1/3 daripada 75 sen itu boleh dikurangkan. Bermakna, boleh jadi 25 sen, 75 sen tolak 25 sen tinggal 50 sen. Ia sudah turun lebih 30 peratus. Sebab itu, jangkaan kita dan wang itu boleh kita gunakan dan tidak lagi kita kena membayar bayaran konsultan yang begitu mahal. Saya tak terfikir erk... Sekinchan akan mengira duit sehingga orang batuk harganya dikira..Jadi, jadi saya lagi sekali bagi pihak Kerajaan Negeri ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan kita berdoa kepada Allah SWT supaya perkara yang baik untuk rakyat dapat diselesaikan dengan sempurna. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini iaitu suatu usul yang berbunyi:

“Bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Pusat supaya akur dan utamakan hak serta kepentingan rakyat Negeri Selangor dan Kuala Lumpur dalam rundingan pembelian balik pengurusan air daripada syarikat konsesi iaitu Puncak Niaga Sdn Bhd, SPLASH dan Konsortium ABBAS Sdn Bhd serta SYABAS Sdn Bhd.”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.”

Usul dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Usul 4 Tahun 2009 Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Subang Jaya.

**TUAN SPEAKER :** Dipersilakan

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Subang Jaya membawa Usul yang berbunyi “Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan mengambil langkah untuk memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri dalam usaha mengatasi keadaan ekonomi yang semakin merosot demi kepentingan rakyat.

Tuan Speaker, ramai orang telah mengatakan bahawa masa untuk berpolitik sudah lama berakhir, kalau nak berpolitik tunggulah masa kempen Pilihan raya. Ramai orang juga berasa bahawa wakil-wakil rakyat tidak prihatin terhadap masalah ekonomi sekarang, oleh itu Usul ini telah dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk disokong. Ini kerana kita di Selangor serius hendak membantu rakyat mengatasi masalah ekonomi tetapi ada sesetengah isu yang kita perlukan kerjasama Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana ramai rakyat yang mungkin kehilangan kerja, kos-kos bulanan akan menjadi beban dan liabiliti kepada mereka. Saya menggesa Kerajaan Persekutuan mengambil langkah membantu rakyat Selangor dalam hal kesihatan memandangkan kos perubahan yang semakin meningkat. Ini benar terutamanya di kawasan bandar seperti di Subang Jaya di mana kita hanya mempunyai hospital dan klinik swasta. Kita masih tidak mempunyai klinik ataupun hospital kerajaan. Penduduk Subang Jaya yang padat perlu pergi ke Kelana Jaya ataupun Puchong untuk ke klinik kesihatan yang terdekat. Saya menyeru, saya memohon, saya meminta Kerajaan Persekutuan menggunakan wang yang telah diperuntukkan dalam *The Nine Malaysian Plan* dengan izin untuk membina satu klinik kerajaan di Subang Jaya. Baru-baru ini kita dimaklumkan melalui

keratan akhbar bahawa Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9/2008 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan untuk mengawal dan mengurangkan perbelanjaan awam telah pun ditarik balik. Saya berharap keputusan ini akan sekali gus membekalkan klinik kerajaan di Subang Jaya dan saya yakin langkah ini boleh membantu rakyat Selangor yang tinggal di Subang Jaya mengurangkan kos perjalanan dan kos perubatan untuk mendapatkan rawatan kesihatan. Kita tidak mahu mendengar ada rakyat yang meninggal kerana tidak mempunyai wang mendapatkan rawatan perubatan. Inilah kerjasama yang kita perlukan daripada Kerajaan Persekutuan kerana hal kesihatan penting bagi rakyat terutamanya semasa keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan.

Saya juga meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memantau projek terbengkalai dengan lebih tekun lagi. Satu kes sebegini di kawasan Subang Jaya ialah Projek Lagon Perdana. Kita telah diberitahu bahawa Blok 1 dan 8 sepatutnya siap diberi milik kepada pembeli namun sehingga hari ini kita belum menerima sebarang perkembangan baru. Blok 3 pula sepatutnya siap bulan Mac ini dan Blok 7 pula kita telah diberitahu bahawa mereka tidak boleh membina kerana ke tidak kesesuaian tanah. Ramai pembeli telah menjadi mangsa kes sebegini dan setiap bulan mereka perlu membuat bayaran kepada bank tanpa dapat menikmati rumah yang telah dibeli mereka. Memandangkan keadaan ekonomi sekarang, saya menggesa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mengambil lebih inisiatif, memantau dengan lebih kerap lagi kerja-kerja membina supaya pembeli tidak perlu lagi membayar wang bulanan untuk *invisible house* dengan izin.

Saya juga menyeru Majlis Keselamatan Negara supaya memberi fokus menangani masalah jenayah memandangkan keadaan ekonomi sekarang. Ramai yang telah kehilangan pekerjaan dan mungkin mereka akan melibatkan diri dalam kes jenayah untuk mendapatkan wang. Majlis Keselamatan Negara haruslah mengambil langkah mengatasi masalah ini dan bukanlah meluangkan masa menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Persekutuan Negeri Selangor untuk membantu Barisan Nasional merampas balik negeri Selangor daripada Pakatan Rakyat. Saya menggesa menteri dalam negeri dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri supaya menyalurkan lebih bantuan tenaga kerja polis dan infrastruktur yang mencukupi ke kawasan bandar seperti di Lembah Kelang ataupun *Klang Valley* dengan izin. Tambahlah kereta rondaan dan komputer di setiap balai polis. Ini polis kena berkongsi komputer untuk membuat laporan tak mungkin Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tak mempunyai *resources* yang mencukupi. Ini bila kita tanya mengenai penangkapan penjenayah, kita diberitahu tak cukup tenaga polis tetapi apabila nak tangkap wakil rakyat, Pakatan Rakyat berpuluhan-puluhan polis dihantar. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri janganlah main politik, fokuslah tenaga kerja dan ambil perhatianlah masalah jenayah yang semakin meningkat demi kebaikan dan kepentingan rakyat negeri Selangor.

Satu lagi isu yang kita belum lupa, bebaskan Yang Berhormat Kota Alam Shah yang masih berada dalam tahanan ISA. Anda mungkin bertanya apa kaitannya dengan masalah ekonomi, ada kaitannya. Rakyat Kota Alam Shah telah melantik beliau sebagai wakil rakyat untuk memberi perkhidmatan kepada mereka. Bebaskanlah beliau supaya rakyat di situ mempunyai wakil rakyat yang boleh membantu mereka menangani masalah setempat di sana termasuklah masalah ekonomi. Masalah perlesenan, masalah kesesakan trafik dan masalah tanah semua ini ada kaitan dengan ekonomi. Jadi Kementerian Keselamatan Dalam Negeri harus bebaskan Yang Berhormat Kota

Alam Shah dengan segera kerana dewan ini telah pun membuat usul dalam sidang penggal yang lepas supaya beliau tidak lagi ditahan di bawah ISA memandangkan beliau bukan ancaman keselamatan negara. Demi kepentingan penduduk Alam Shah kita menggesa Kerajaan Persekutuan sekali lagi bebaskan wakil rakyat mereka.

Berilah kerjasama kepada negeri Selangor dan jangan lupa pengundi-pengundi di negeri Selangor juga merupakan pembayar cukai bagi Kerajaan Persekutuan. Tuan Speaker, usul-usul yang dibawa ini untuk kepentingan rakyat tetapi Adun-adun Barisan Nasional langsung tak hadir. Nampaknya mereka tidak mementingkan rakyat. Kita menggesa Kerajaan Persekutuan untuk membantu rakyat menghadapi keadaan ekonomi yang semakin merosot. Saya akhiri ucapan saya dengan teguran kepada Kerajaan Persekutuan dengan *izin if you punish the people, the people were punish you in return in the coming January election*, dengan itu terima kasih Tuan Speaker.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya.....menyokong, ya...

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Menyokong. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, Seri Setia ingin menyokong usul yang dibawa di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh jiran saya Yang Berhormat Hannah Yeoh, Adun Subang Jaya.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan rancangan rangsangan ekonomi kedua di Dewan Rakyat pada 10 Mac yang lalu, beliau telah menawarkan pepohon zaitun agar Pakatan Rakyat dapat berganding bahu dengan BN bagi mengatasi masalah ekonomi Negara. Baru-baru ini ada sebuah iklan menarik yang telah menarik perhatian ramai rakyat Malaysia, iklan yang telah dibayar oleh Anaz Zubedy, seorang pemilik syarikat iklan ini menyeru agar ahli-ahli politik di Malaysia mengadakan gencatan senjata bagi menumpukan kepada krisis ekonomi dunia yang melanda negara kita. Yang Berhormat Ketua Pembangkang Persekutuan Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam perbahasan mengenai rancangan rangsangan ekonomi kedua menyuarakan kesediaan Pakatan Rakyat untuk bekerjasama demi kebaikan rakyat ialah mengharungi krisis ekonomi yang dihadapi oleh negara dan saya petik "saya ingin memulakan ucapan saya dengan menegaskan bahawa saya dan rakan-rakan bersedia melakukan apa sahaja demi membela rakyat. Kami menyokong sebarang inisiatif untuk membantu rakyat. Ada di antara kami telah masuk penjara, dipukul dan di sembur dengan gas pemedih mata demi memperjuangkan nasib rakyat. Malah Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, Pakatan Rakyat secara konsisten memberikan amaran kepada Kerajaan Persekutuan tentang krisis ekonomi sejak awal lagi, tetapi Kerajaan Persekutuan dihinggapi oleh sindrom penafian atau *denial syndrome* dengan izin. Ketika harga-harga komoditi yang menjadi sumber utama pendapatan negara seperti petroleum dan minyak sawit merudum, Pakatan Rakyat menggesa kerajaan membuat pindaan kepada Bajet 2009 tetapi pada waktu itu Menteri Kewangan berdegil tidak mahu berbuat demikian dan menegaskan unjuran ekonomi negara tidak terjejas. Tapi hari ini nampaknya mereka telah akur dan Menteri Kewangan telah mengumumkan rancangan rangsangan ekonomi kedua yang berjumlah lebih RM60 bilion.

Yang Berhormat Tuan Speaker, namun ada beberapa kepincangan utama di sebalik rancangan ini yang harus diambil kira. Pertama peluang pekerjaan yang dihasilkan

yang dianggarkan 63,000 tidak mampu mengatasi kadar pengangguran yang dijangka melebihi 100,000 orang. Apa tah lagi peluang pekerjaan tersebut kebanyakannya di dalam sektor awam, adakah kita mahu menambah lagi lapisan birokrasi di dalam negara kita pada waktu kegawatan ekonomi ini. Saiz kerajaan semakin besar pada waktu harga komoditi melambung tinggi kita gagal mengimbangkan bajet kita dan rancangan rangsangan ekonomi kedua ini cuma akan menaikkan lagi deposit Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan tidak boleh lagi semata-mata berbelanja bagi mengatasi masalah ekonomi. Perbelanjaan tersebut mestilah pintar dan matlamat akhirnya ialah membina kapasiti kita menjadi negara berdaya saing.

Kedua, rancangan ini juga tidak memperuntukkan bayaran langsung tunai *direct cash payment* dengan izin kepada rakyat sebaliknya ia dalam bentuk subsidi korporat dan percukaian yang akan sampai kepada rakyat secara tirisan atau *critical down* dengan izin. Berapa peratus akan sampai kepada rakyat sekiranya berlaku *leaches* atau tirisan terhadap bantuan ini. Di dalam iklan Anaz Zubedy yang saya petik sebentar tadi, beliau memberi contoh beberapa pekerjaan yang menanggung derita daripada krisis ekonomi. Nama mereka Saedah, Samsuri, Alesya dan Sudesh, namun penderitaan yang mereka alui tidak akan dapat diatasi di dalam pakej rancangan rangsangan ekonomi yang kedua yang lebih berbentuk bantuan kepada pembayar cukai tanpa bantuan langsung tunai kepada rakyat.

Ketiga, rancangan ini tidak menggalakkan rakyat untuk berbelanja bagi menjana ekonomi. Bebanan yang ditanggung rakyat dari segi bil utiliti kecualilah mereka rakyat negeri Selangor yang mendapat 20 meter padu air percuma dan pengangkutan yang meningkat tidak ditangani. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat adakah rancangan rangsangan ekonomi kedua ini menarik rakyat termasuk Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian untuk berbelanja, adakah ia memberi keyakinan kepada ekonomi kita, saya yakin jawapannya ialah tidak. Kita juga jangan lupa, malangnya tidak ada pembangkang pada hari ini tetapi kita jangan lupa bahawa antara inisiatif yang diambil di sebalik penafian Kerajaan Persekutuan terhadap krisis ekonomi apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib bin Tun Razak dilantik menjadi Menteri Kewangan pada hujung tahun lalu, beliau telah memperkenalkan secara senyap-senyap penambahan cabutan khas atau *special draw* bagi syarikat judi Magnum, Tanjung dan Berjaya Sport TOTO sebanyak 10 cabutan khas setiap tahun dan dengan harapan bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengaut kira-kira RM130 juta daripada langkah ini, tetapi perkara ini dilakukan secara senyap-senyap dan saya walaupun tidak ada pembangkang, tapi saya berharap mesej ini dapat dibawa melalui media, saya mahu pihak pembangkang menjelaskan mereka yang kononnya pembela Melayu, pembela Islam ini terhadap pendirian bakal Presiden UMNO dalam isu ini.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, malah pandangan berbeza tentang rancangan rangsangan ekonomi kedua ini bukan hanya disuarakan oleh Pakatan Rakyat malah oleh penganalisis-penganalisis ekonomi dari CLSA, JP Morgan, *Standard Chartered*, City Bank, dan ING turut kurang yakin dengan keupayaan rancangan rangsangan ekonomi kedua untuk pemacu ekonomi negara.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian pun begitu, Pakatan Rakyat komited membina semangat muafakat dalam suasana ekonomi yang gawat hari ini. Ketika Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dari Ijok mengumumkan pakej rancangan rangsangan ekonomi negeri Selangor, Yang Amat Berhormat telah berkata kerajaan Pakatan Rakyat Selangor sangat-sangat berharap agar Kerajaan Persekutuan bersedia

untuk menyokong usaha-usaha murni ini kerana kita percaya pembangunan ekonomi mesti merentasi semua berbezaan politik demi melindungi kebajikan rakyat seluruhnya. Saya syorkan Yang Berhormat Menteri Kewangan menghidupkan semangat muafakat sebagaimana dipamerkan oleh ayahandanya Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang melibatkan parti politik selepas kemelut 13 Mei 1969 dengan bersandarkan semangat muafakat ini bagi menghadapi kemelut ekonomi kita. Saya ingin mencadangkan beberapa perkara:

Pertama Kerajaan Persekutuan menggunakan khazanah kemahiran yang ada di kalangan pemimpin Pakatan Rakyat untuk menjadi anggota Majlis Tindakan Ekonomi Negara dengan ini segala inisiatif yang dilancarkan dapat mengambil kira pandangan berbagai pihak dan diperhalusi dengan lebih mendalam. Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri merentas parti juga boleh disertakan sebagaimana saranan Yang Amat Berhormat dari Ijok.

Kedua, peruntukan besar sejumlah RM10 bilion telah diberikan kepada Khazanah Nasional Berhad. Saya syorkan Kerajaan-kerajaan Negeri diberikan peluang melantik wakil ke Lembaga Pengarah Khazanah Nasional atau anak-anak syarikat Khazanah agar Kerajaan Negeri dapat memberikan input bagaimana pembangunan yang akan diambil oleh Khazanah Nasional dalam perspektif pembangunan setiap negeri.

Ketiga, saya menyarankan Kerajaan Persekutuan mencontohi tindakan Yang Amat Berhormat dari Ijok dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bagi membolehkan rakyat mengakses pengisytiharan aset mereka secara *on line*. Ya, jadi ada dua perkara yang boleh dilakukan:

Pertama Jemaah Menteri di peringkat Persekutuan boleh memulakan pengisytiharan aset agar rakyat dapat melihat harta-harta mereka dan seterusnya kita seharusnya mendirikan satu mekanisme untuk memantau ketelusan dan ke bertanggung jawaban perbelanjaan di bawah rancangan rangsangan ekonomi kedua yang begitu besar ini. Di Amerika pentadbiran Presiden Barack Obama telah mendirikan laman web *recovery.gov*. bagi membolehkan orang ramai mendapat tahu secara detail perbelanjaan kerajaan Amerika di dalam dengan izin *The American Recovery and Reinvestment Act* merupakan pakej rancangan ekonomi berjumlah 787 bilion dolar Amerika.

Keempat, saya mengesyorkan Kerajaan Persekutuan mengetepikan sikap fanatik dan ekstrem politik bagi menyokong inisiatif kerajaan-kerajaan negeri khususnya Pakatan Rakyat yang baik untuk rakyat antara lain:

Pertama, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Sekinchan cadangan pengambilalihan industri air Selangor pada harga lebih RM5 Bilion sekali gus usaha memperbaiki sistem paip bekalan air di Negeri Selangor bagi membantu memacu ekonomi di samping pengekalan takrif air dan bekalan 20 meter padu percuma bagi meringankan beban rakyat.

2) Membina Lapangan terbang kos rendah di Pulau Pinang sebagai mana diminta oleh Kerajaan Negeri bagi memacu ekonomi Pulau Pinang yang berteraskan Pelancongan Industri Teknologi Tinggi dan Industri Halal

3) Pengambilalihan Lebuhraya-lebuhraya bertol khususnya PLUS yang berada di bawah PLUS Express Ways dan yang berada di bawah PLUS Express Ways Berhad.

Yang Berhormat Petaling Utara telah merangka rancangan dengan pakar perundangan pelaburan dan pihak awam yang mana Kerajaan mengambil alih PLUS Express Ways Berhad pada harga RM14 bilion. Menerusi rancangan ini menjelang 2015 tol boleh dimansuhkan di semua lebuh raya yang dikendalikan oleh PLUS Express Ways Berhad. Rancangan ini dijangkakan boleh menjimatkan RM14 bilion untuk rakyat Malaysia seharusnya dan seterusnya boleh disalurkan kepada di sektor-sektor yang lebih penting bagi membantu memacu ekonomi Negara.

5) Saya mengesyorkan agar Kerajaan Persekutuan menumpukan terhadap membina kapasiti ekonomi kita dan mengurangkan lapisan birokrasi sebaliknya peluang-peluang pekerjaan ditambahkan dalam sektor-sektor strategik bagi melebarkan kapasiti Negara kita mahu lebih ramai polis, doktor, juru rawat guru dan pensyarah ditambah bagi membantu pembangunan Negara.

Pada masa yang sama Kerajaan Negeri juga boleh mempertimbangkan beberapa dasar bagi menurunkan kos perniagaan seperti untuk mendapatkan lesen dan kelulusan dengan ini kos bagi peniaga-peniaga dihimpit kemelut ekonomi dapat diringankan dan mereka dapat beroperasi bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara bagi menyediakan peluang perniagaan pada orang ramai.

6) Kerajaan Persekutuan boleh melengkapkan dasar merakyatkan ekonomi Negeri Selangor dengan jaringan keselamatan sosial atau dengan izin *social safety net* yang lebih *comprehensive*. Kita sedia maklum peruntukan yang ada di Kebajikan Masyarakat ini terlalu terhad dan rakyat terus tertindas dengan dasar yang sedia ada. Dasar Kebajikan yang dapat dipertimbangkan misalnya dasar kebajikan menjurus kepada pekerjaan atau dengan izin *Welfare to work* program latihan semula atau dengan *retraining* dan gaji minima dapat diperkenalkan bagi mengangkat martabat pekerja-pekerja yang ada. Saya percaya sekiranya Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan saranan yang telah dibangkitkan kita akan kembali melihat semangat muafakat yang baru di dalam negara kita menimbulkan keyakinan rakyat bahawa ahli-ahli politik tanpa mengira parti boleh membawa Negara melalui era yang begitu mencabar ini. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Usul ini telah disokong. Usul-usul ini dibahaskan. Bukit Gasing.

**YB TUAN EDWARD LEE POH LIN:** Tuan Speaker, izinkan saya membuat penambahan ringkas kepada usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Subang Jaya. Dasar-dasar Kerajaan Persekutuan sedang memberi kesan kepada rancangan-rancangan dan dasar-dasar negeri di bawah Pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat di dalam banyak perkara. Sebagai contoh pada mulanya selepas pilihan raya 2008 kami dengar dalam berita dan baca yang dilapur di dalam surat khabar bahawa di Pulau Pinang dan di negeri lain bahawa dalam Industri Pelancongan dana atau pembiayaan dari Kerajaan Persekutuan adalah penting untuk kebanyakannya projek-projek Pelancongan Negeri supaya projek-projek tersebut dilaksanakan. Walau bagaimanapun dana ini diperlukan untuk pembiayaan kos aktiviti promosi seperti aktiviti perjalanan dan pembelian alat-alat promosi dan sebagainya yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Negeri tetapi dana tersebut tidak dibekalkan oleh Kerajaan Pusat. Kekurangan dana akan menghalang aktiviti-aktiviti negeri-negeri dan usaha-usaha mereka untuk membawa masuk duit pelancongan untuk rakyat.

Projek-projek lain seperti pembekalan elektrik kepada komuniti orang Asli serta kawasan perkampungan dalaman oleh Tenaga Nasional juga projek-projek pembinaan jalan raya dan infrastruktur dan juga di negeri-negeri Pentadbiran Pakatan Rakyat yang boleh membawa manfaat kepada rakyat biasa adalah dinafikan. Manakala projek-projek sebegini perlu dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan atau anak syarikat DLC memastikan bahawa dan menggabungkan kekuatan-kekuatan kami. Kami dapat menyampaikan pada pengundi-pengundi apa yang dihendaki oleh mereka. Janganlah ulang kepada kesilapan-kesilapan yang lalu tetapi biarlah kami maju pendamaian dan pentadbiran oleh kedua-dua Kerajaan. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Saya menyeru kepada teman-teman pembangkang di dalam dewan yang mulia ini untuk bekerjasama dengan kami dan juga supaya tidak membenarkan pemikiran politik yang sempit dan kepentingan diri hanya akan menghimpitkan kami menjalankan tugas untuk mencapai matlamat kami bagi rakyat.

Kami dalam Kerajaan Pakatan Rakyat dan Kerajaan Barisan Nasional tidak patut takut untuk bekerjasama demi kebaikan bersama untuk Negara dan generasi yang akan datang. Kami perlu mengubah tabiat buruk kami untuk bekerjasama dengan rapat. Kami mesti selalu ingat pepatah yang mengatakan bahawa apabila 2 gajah bergaduh semutlah yang dibunuh dalam proses. Saya mencabar rakan-rakan kami bagi pihak pembangkang dan pemimpin-pemimpin mereka dalam Kerajaan Persekutuan untuk bekerjasama dan bukan bersengketa dengan satu sama lain dengan harapan bahawa kami semua akan bermanfaat daripada perbezaan positif daripada kita ia adalah lebih muda bercakap daripada kita bercakap daripada melakukan. Tetapi kami mesti melakukan yang terbaik untuk jujur kepada satu sama lain dan bekerja untuk masa hadapan yang lebih baik. Ke tidak keyakinan dan syak wasangka mesti dipinggirkan kami mesti belajar untuk bekerjasama.

Tuan Speaker dengan itu saya mohon sokong usul Yang Berhormat dari Lembah Jaya. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih Tuan Speaker. Ahli-ahli Yang berhormat sekalian dalam konteks negeri yang terkaya di Malaysia yang memberi sumbangan dalam sektor industri sudah pasti kesan krisis ekonomi yang sedang melanda dunia hari ini bakal menyumbang dengan memberi impak kepada kegawatan pemberhentian kepada warga-warga industri juga kepada kilang-kilang khusus di negeri Selangor. Apabila ini terjadi secara langsung ianya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Justeru Kerajaan pusat Persekutuan suka atau tidak suka mereka tetap berkewajiban membantu masalah pembangunan pekerja-pekerja yang akan mengakibatkan kenaikan indeks kadar pengangguran di negara ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di sinilah kerjasama Kerajaan Pusat dan Persekutuan diperlukan melalui Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan-jabatan yang berkaitan kita mengharapkan Kementerian terbabit akan mengambil langkah wajar bersama Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah yang membelenggu Negara kita ini. Pembentangan mini bajet pada Selasa lepas oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Malaysia memberikan harapan baru kepada semua pihak dalam menghadapi kemelut ekonomi yang tidak menentu kepada semua pihak *package* rangsangan sebanyak RM60 Bilion yang dijanjikan diharapkan akan lebih telus khususnya dalam menyelesaikan masalah rakyat. Kerajaan tidak harus memilih

bulu dalam memastikan skim ataupun peluang-peluang pekerjaan ini benar-benar memberikan manfaat kepada Kerajaan Negeri sama ada dikuasai oleh Kerajaan Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat. Pelaksanaan yang harus telus dan bebas daripada semua unsur-unsur yang mencurigakan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memikirkan tentang hal kebijakan rakyat sebagai satu agenda yang sangat penting. Hasrat Kerajaan Negeri mengambil alih SYABAS adalah salah satu cara untuk meringankan beban rakyat ekoran krisis ekonomi yang sedang dihadapi. Justeru itu Kerajaan Barisan Nasional sepatutnya tanpa syak dan ragu menyokong dan bekerjasama kepada hasrat murni ini daripada sentiasa cuba untuk mewujudkan atau memanipulasikan sebagai satu polemik murahan dengan mengelirukan rakyat seperti kes lembu korban dan kenderaan yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Akan tetapi ianya memakan diri mereka sendiri apabila mereka gagal untuk memohon maaf kepada Yang Amat Berhormat dan akhirnya Yang Amat Berhormat telah pun mengambil tindakan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kerajaan Pusat sekali lagi jika ianya benar-benar ikhlas dan mahu membantu rakyat Malaysia khasnya Negeri Selangor ini mestilah bersedia untuk menyediakan prasarana seperti mewujudkan pinjaman-pinjaman mikro. Contohnya bagi individu-individu agar dapat memulakan perniagaan kecil-kecilan bagi memenuhi keperluan hidup akibat kesempitan ekonomi yang tidak stabil ini. Ini juga dapat dilakukan melalui peruntukan yang munasabah kepada Kerajaan Negeri bagi membolehkan urusan pemberian. Pinjaman ini menjadi lebih efisien sampai kepada objektifnya. Kerajaan pusat juga harus berhenti dari mengamalkan diskriminasi kepada Kerajaan Negeri-negeri Pakatan Rakyat dan Kerajaan Pusat harus jujur dengan kata-kata yang mana telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan pembentangan mini bajet baru-baru ini yang mengatakan semua rakyat akan dapat manfaat yang boleh di kecapi pembentangan tersebut. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**YB TUAN DR. CHEAH WING YIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Damansara Utama ambil berat atas usul ini. Terlebih dahulu saya hendak mengulangkan petikan dari surat khabar *New Straits Times* 14 hari bulan Mac, 2009 m/s b 8. Berkennaan dengan kelembapan ekonomi di Malaysia En. Fong Kee Khuang seorang Ahli Kanan Ekonomi daripada Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia MEIR berpendapat *my most of optimistic opinion is that the recession were last another five years*. Lima (5) tahun pudarnya keadaan ini sungguh serius dan menggerunkan beberapa hari yang lalu Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor telah mengutarakan rancangan *package* rangsangan ekonomi untuk menangani cabaran ekonomi yang di hadapan kita. Dalam pada masa itu juga Kerajaan Pusat Persekutuan telah mengisyiharkan *package* rangsangan ekonomi keduanya. Damansara Utama menyambut kedua-dua *package* ini berikutnya ini adalah fokus kepada langkah-langkah yang mesti dikendalikan supaya matlamat menghidupkan ekonomi boleh berjaya maka tumpuan kepada kedua-dua pihak iaitu pihak Kerajaan Persekutuan dan pihak Negeri Selangor.

Tuan Speaker, pemberian sama oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor adalah sangat mustahak supaya keberkesanan setiap usaha-usaha dapat dicapai tahap yang diingini. Damansara Utama hendak menarik perhatian kepada peranan Kerajaan Pusat khususnya kuasa pengaruh yang ditanganinya di peringkat lapisan jentera Kerajaan iaitu di antara Penjawat Awam di JPA, PDRM, Jabatan Bomba,

Kementerian-kementerian, Post Malaysia dan sebagainya. Semua jentera kerajaan mahupun di Kementerian Pusat, Institusi-institusi lain atau pun di PBT amatlah penting untuk melaksanakan dan mengimplikasikan dasar-dasar kerajaan dan pada masa kini untuk melaksanakan tugas-tugas, tindakan-tindakan ekonomi yang dilancarkan. Jentera Kerajaan mestilah bersikap Profesionalisme dan bertindak corak berkecualian tidak berat sebelah lagi pun bercekap. Prinsip amalan kerja ini kerjaya ini dengan izin '*The Principle of Neutral Competent*' amatlah penting dan adalah landasan utama kerjaya yang berkesan dan beretika supaya mengakibatkan pengurusan yang licin dan efektif. Damansara Utama menyeru supaya Kerajaan Persekutuan mendorong dan menggalakkan setiap lapisan kejenteraan Kerajaan supaya mengamalkan tugas-tugas mereka dengan corak berprinsip '*Neutral Competent*' dengan izin. Damansara Utama memberi contoh pakej rangsangan kedua yang bernilai RM60 bilion tentulah mengandungi banyak peluang pembangunan dan bekalan insang dan sebagainya. Dalam proses pengagihan berbilion-bilion ini Jabatan-jabatan Kerajaan akan memberi cadangan-cadangan mereka dan diharaplah syor-syor mereka berlandaskan keperluan-keperluan yang berpatutan dan tulen dan bukan bercenderung politik semata-matanya. Tugas penjawat kanan tidak akan berhenti di peringkat ini sahaja. Bahkan yang penting juga ialah tugas pemantauan dan penyelenggaraan projek-projek. Kerjasama tata tertib Kerajaan Persekutuan ini bukan sahaja mustahak untuk menjayakan kegiatan ekonomi dan akhirnya memberikan peluang kepada ekonomi Selangor bahkan dapat mempertingkatkan prestasi jenama jawatan awam mengakibatkan peningkatan akhlak moral di antara mereka tetapi juga dipersepsi orang awam. Ekonomi Negeri Selangor menyumbangkan sejumlah besar kepada 30% kepada ekonomi Negeri Malaysia. Bila pertumbuhan Negeri Selangor berkembang Negara Malaysia akan berikut. Jadi Damansara Utama sekali lagi memesan menyeru bahkan memohon kepada Kerajaan Persekutuan demi kepentingan rakyat Selangor dan kepentingan rakyat Malaysia supaya Kerajaan Pusat Kerajaan Persekutuan mengambil alih mengambil langkah memberi kerjasama sesungguh-sungguhnya kepada Negeri Selangor dalam usaha mengatasi keadaan ekonomi yang semakin merosot. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat ialah sebuah Kerajaan Negeri yang mengamalkan sikap demokrasi dan peka kepada prihatin rakyat. Dengan minta yang terbuka kita selalu bersedia untuk mendengar nasihat atau pandangan sama ada teguran yang bernas. Kerajaan Negeri Selangor sedia memberi kerjasama dalam semua aspek sejak dulu lagi tetapi keengganahan Kerajaan Pusat berbuat demikian adalah sangat dikesali. Ada sebahagian rakyat mengeluh dan berasa hampa kerana Kerajaan Pusat tidak memberi kerjasama yang sepatutnya kepada Kerajaan Negeri Selangor. Saya diberitahu oleh pihak-pihak yang tertentu sebelum Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan ada sebahagian peruntukan daripada Majlis ataupun daripada Pejabat Tanah adalah daripada Kerajaan Pusat tetapi setelah Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan peruntukan-peruntukan ini tidak disalurkan lagi demi pembangunan negeri. Kerajaan Pusat bukan sahaja tidak memberi peruntukan kepada Negeri Selangor malah setengah-tengah Kementerian pula menumpukan barang-barang yang palsu seperti JKKP Jawatankuasa Kacau Ganggu Penduduk atau pun Badan-badan yang palsu seperti Pembangunan Negeri Selangor untuk menyalurkan wang atau pun lagi tepat cukai orang ramai kepada individu-individu atau sekelompok individu yang kecil memandangkan kemerosotan ekonomi dan kehilangan pekerjaan di antara ramai rakyat. Negeri Selangor merupakan sebuah Negeri yang mana kilang-kilang dan *business-business* tertumpu. Ia hendaklah dijadikan satu

pioneer dengan izin yang menjanakan ekonomi bukan sahaja di Negeri Selangor tetapi di seluruh Negara. Kerajaan Pakatan Rakyat atau Kerajaan Pusat Barisan Nasional adalah Kerajaan yang sah dipilih oleh rakyat. Justeru itu kita perlu melaksanakan amanat dan mandat yang diberikan oleh rakyat dengan rasa tidak belah bahagi. Dalam satu tahun yang lepas Kerajaan Negeri telah berusaha keras untuk mengadakan pelbagai program namun kita tidak dapat kerjasama yang cukup daripada Kerajaan Pusat. Lebih teruk lagi, Kerajaan Pusat banyak memberikan tekanan dengan mengadakan Agensi-agensi atau Institut-institut dibawa bidang kuasa mereka supaya tidak bekerjasama dengan Kerajaan Negeri misalnya saya bagi satu contoh Kementerian Kesihatan tidak membenarkan Hospital Kerajaan menghantar Doktor atau Jururawat untuk memberikan rawatan percuma di pelbagai Karnival atau program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Tuan Speaker, saya ingin meningkatkan Kerajaan Persekutuan semua rakyat di Negeri Selangor ini semua adalah pembayar cukai dan cukai ini hendaklah digunakan kepada orang ramai dan bukan sekelompok kecil sahaja. Dengan ini saya ingin menyokong Usul yang dicadangkan oleh YB Subang Jaya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk memberi penjelasan sekiranya ada.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya persidangan kita pun tamat...

**TUAN SPEAKER:** Er. YAB ini adalah usul, er penggulungan Kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Penggulungan ok.

**TUAN SPEAKER:** Penggulungan belum usul Penggulungan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya hanya hendak meneruskan perbincangan tentang ini, saya sangat menyokong cadangan yang dibuat mengenai kewajaran Kerajaan Persekutuan mengambil ingatan tentang tanggungjawabnya mengenai *Federalisme* ini. Tetapi beberapa perkara yang saya hendak ingatkan, kita mesti teruskan usaha ini. Pertama daripada segi komunikasi masalah yang besar yang dihadapi oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Kerajaan Negeri Selangor berkisar pada masalah komunikasi dengan rakyat sebab program-program kita tidak sampai dan difahami oleh rakyat.

Perbincangan Sekinchan mengenai air boleh jadi begitu hebat di Dewan tetapi tidak sampai kepada rakyat di Sekinchan ataupun di Sg. Panjang. Kerajaan Negeri mencuba mempertingkatkan usaha komunikasi ini. Sebab itu sekarang kita sudah menubuhkan unit komunikasi di Pejabat Menteri Besar yang fungsinya menolong menghebahkan dan memberi maklumat kepada masyarakat Selangor.

Kedua kita mesti berusaha supaya kita dapat menggunakan sistem komunikasi radio. Dahulunya semasa saya menjadi Menteri Besar terus sahaja saya tidak dapat menggunakan khidmat Radio Selangor. Nampaknya Radio Selangor tidak dibenarkan digunakan oleh Menteri Besar dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, dan oleh itu yang sebaik-baiknya dipindahkan dari Pejabat yang di Shah Alam ini ke tempat lain. Walau bagaimanapun, kita mesti mencuba mencari jalan supaya sistem

Komunikasi melalui radio dapat juga dilakukan sebab ia lebih hampir kepada rakyat dan lebih dapat didengar di mana-mana.

Kita sudah ada web TV, iaitu TV Antara dan TV Selangor tetapi tidak sehebat rangkaian seperti TV1, TV2 atau TV3. Sebab itu kita mesti cari jalan bagaimana perkara ini dapat kita tembusi. Saya ada menerima beberapa cadangan yang disyorkan oleh Seri Setia mengenai bagaimana usaha Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dapat bekerjasama. Rangsangan ekonomi Negeri Selangor ini perlu mendapat kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kita hendak terus melakukannya dan membawa ke perhatian Kerajaan Persekutuan kerana kebaikannya bukan sahaja bagi negeri Selangor tetapi Malaysia juga. Maka saya sekali lagi berterima kasih kepada Subang Jaya kerana membangkitkan Usul yang saya anggap penting untuk kejayaan Negeri Selangor dan Kerajaan Malaysia. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun apa masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul berbunyi bahawasanya Dewan Yang Mulia ini menggesa Kerajaan Persekutuan mengambil langkah untuk memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri dalam usaha mengatasi keadaan ekonomi yang semakin merosot demi kepentingan rakyat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul untuk menangguhkan Dewan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Nampaknya persidangan kita pun tamat sebelum saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan. Saya ingin memberi ucapan sedikit. Pertama selaku Menteri Besar, Ahli-ahli EXCO, dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Tuan Speaker, kerana dapat menjalankan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Kedua Belas ini yang begitu tertib dan dapat membangkitkan semangat bagi wakil-wakil Dewan Undangan Negeri ini berbincang dengan secara berhemat dan bernalas. Terima kasih.

Tuan Speaker. Kedua, perkara-perkara yang sudah dibincangkan meliputi hal menjunjung kasih Tuanku kepada Usul tergempar dan perbincangan, mengenai Rang Undang-undang Adat Melayu dan Warisan Selangor kemudian kita bincangkan tentang Enakmen dan beberapa usul yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Saya secara percaya perbincangan yang dibuat begitu bermakna kerana hampir semua Ahli Dewan dilihat membuat persediaan apabila mengutarakan kenyataan-kenyataan dan perbahasan-perbahasan yang saya fikir merupakan tanda yang baik kerana perbincangan Dewan ini direkodkan dan bukan sahaja untuk hari ini tetapi untuk masa hadapan anak-anak dan cucu-cucu kita supaya dapat dihayati terhadap apa yang kita lakukan.

Saya juga mendapati usul-usul yang dikeluarkan begitu bermakna. Antara usul yang saya tidak dapat bersama semalam iaitu tentang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, ringkasnya MACC, dan mengenai sumbangan syarikat-syarikat kerajaan kepada masyarakat. Jadi saya dalam kenyataan itu hendak menyatakan betapa pentingnya perkara ini dilakukan. Saya menyatakan hormat saya kepada usaha yang dilakukan oleh Datin Paduka Loo Siew Mooi selaku Timbalan Pengurus Besar PKNS yang sanggup

membuat perkara yang walaupun dia bukan seorang Islam tetapi menggunakan kuasanya untuk memberikan sumbangan demi melaksanakan usaha kebaikan dan ini satu daripada berapa contoh yang perlu kita galakkan supaya semua masyarakat dapat berasa dan berusaha untuk menolong satu sama lain dalam keadaan kebudayaan yang berbeza dan cara hidup yang berlainan. Saya memandang perkara ini penting tentang bagaimana caranya Kerajaan Negeri Selangor, rakyat Negeri Selangor bergabung tenaga dalam usaha pembangunan. Saya dapati juga perbincangan mengenai hubungan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sangat penting dalam merangka masa hadapan bagi kemakmuran bersama.

Jadi hari ini kita lihat kematangan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Saya berharap perbincangan Dewan ini diteruskan dalam erti kata kita bekerjasama dan berusaha mencari jalan yang terbaik. Dan walaupun saya bercakap di sini sekarang tidak ada daripada kumpulan pembangkang nampaknya ini bukan satu tanda yang tidak baik tetapi satu usaha yang pernah Tuan Speaker memberitahu saya pengalaman yang lepas tidak sampai tiga hari perbincangan dilakukan dan sekarang kita sudah mencapai lebih enam hari dan ditambah waktu untuk menentukan mereka turut berbincang, dan diberikan kesempatan.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih sekali kepada Tuan Speaker, dan dengan ini saya mencadangkan supaya Sidang Dewan ini ditangguhkan ke satu masa yang ditetapkan kelak. Terima kasih.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan ini, sukacita saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang telah pun mengambil masa enam hari dengan tambahan lapan jam untuk membincangkan semua perkara yang telah pun dibentangkan di dewan ini dan selama enam hari lapan jam tersebut dewan ini telah pun selain daripada urusan kerajaan telah pun membicarakan satu usul pindaan peraturan tetap dewan 34 soalan untuk jawapan mulut, 1 usul tergempar dan 4 usul daripada Ahli. Ini satu pencapaian yang membanggakan dan juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua-ketua Jabatan yang telah pun memberikan kerjasama untuk melicinkan perjalanan persidangan dewan pada kali ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Dewan, Penolong Setiausaha Dewan serta kakitangan dewan termasuk pelapor-pelapor yang telah bekerja siang dan malam untuk menyediakan penyata rasmi sepanjang mesyuarat ini. Saya berharap semua Yang Berhormat dapat menyemak kembali draf penyata yang akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke pentadbiran dewan dengan kadar segera agar penyata tersebut dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini sehingga satu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada jam 12.50 tengah hari**